



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tan Sri Datuk Yeh Pau Tzu [Ruangan 1011]

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1011]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1011]**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 1054]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) [Ruangan 1055]

MALAYSIA  
**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.  
(Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,  
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N.,  
S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.  
(Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI  
MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA  
(Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,  
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,  
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,  
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.  
(Negeri Sembilan).

Yang Berhormat TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.  
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,  
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,  
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,  
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Khamis, 23hb April, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tan Sri Datuk Yeh Pau Tzu.

**PENGUMUMAN  
YANG DI-PERTUA**

**Mengalu-alukan Ahli Baru**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**RANCANGAN KERJASAMA DUA HALA  
MALAYSIA-BRUNEI**

**1. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan bahawa Brunei akan mencapai kemerdekaan pada tahun 1983 apakah rancangan kerjasama dua hala yang akan diadakan antara Malaysia dengan Brunei.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Brunei adalah jiran yang paling terdekat dan mempunyai hubungan yang rapat dan baik dengan Malaysia. Hubungan ini berasaskan perkembangan sejarah dan pertalian semula jadi dari segi kebudayaan, agama dan sistem pentadbiran Kerajaan. Perhubungan di Raja antara Malaysia dengan Brunei adalah mesra dan begitu juga di antara peringkat yang lain. Memandangkan keadaan ini sudah tentulah perlu bagi Malaysia terus memupuk kerjasama di antara kedua-dua negara. Setakat ini kerjasama di antara kedua-dua buah negara, adalah dalam rupa pertukaran lawatan dan pengalaman. Untuk makluman Dewan, pada saat ini ada seorang pegawai dari Brunei yang sedang membuat lawatan ke negara kita.

Apabila Brunei mencapai kemerdekaannya kelak dalam tahun 1983, tidaklah menjadi soal lagi yang Malaysia akan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara itu. Kerjasama di antara kedua-dua negara akan ditingkatkan lagi. Rangka bentuk kerjasama dua hala tidak dapat ditentukan lagi buat masa ini sebab ini terpulanglah kepada kedua-dua negara bersama menentukan dan memutuskan kelak. Bagi pihak Malaysia kita akan sedia memberi kerjasama yang penuh demi kepentingan bersama kedua negara.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana begitu sekali eratnya perhubungan di antara Malaysia dengan Brunei, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri adakah Malaysia masih lagi pintunya terbuka jikalau sekiranya Brunei mahu menggabungkan dirinya dalam Malaysia sebagaimana yang dicadangkan

dahulu dan bolehkah kalau sekiranya Brunei mahu memasuki Malaysia diterima dia sebagai satu unit di dalam Malaysia.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu atau masalah itu belum sampai masanya dipertimbangkan. Jadi, oleh sebab kemerdekaan ini tahun 1983, kita menyambut baik kemerdekaan Brunei dan buat masa sekarang ini kita hanya perlu mengkaji keadaan, adakah Brunei akan bersama-sama dalam ASEAN buat masa sekarang ini.

Itulah sahaja untuk menjelaskan pertanyaan Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita maklum, pertalian di antara Brunei dengan Malaysia khususnya adalah tali-menali yang amat kokoh dari dahulu kala hingga sekarang dan dalam ilmu alam dan sejarah negara dan ini telah dihubungkan juga oleh dua Ketua Negara kita iaitu Yang Amat Mulia Raja Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saling lawat-melawati. Ini menunjukkan ikatan ini kokoh dan bertambah kokoh lagi.

Saya hendak bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah tahap sekarang perhubungan kita dengan Brunei dibuat terutamanya dalam lapangan perniagaan; kedua, dalam lapangan keagamaan telah dijalankan bagi mentaupkan dua kekuatan negara sejiran yang rapat ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi perniagaan oleh sebab kedudukannya begitu dekat, sentiasa diadakan perhubungan perniagaan dan kita berharap pada masa yang akan datang ini akan dipertingkatkan lagi.

Dari segi agama perkara inipun akan dipertingkatkan, dan pada masa sekarang ini saya tidak dapat memberikan penjelasan dengan rasminya di atas perhubungan rasmi berkenaan dengan agama oleh sebab keadaan kedudukan sistem dari segi keagamaan dan pentadbiran tentulah saya rasa pada masa akan datang apabila Brunei mencapai kemerdekaan kita akan pertingkatkan lagi perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

## PENGHUNI RUMAH PANGSA KESULITAN

**2. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dialami oleh penghuni rumah pangsa yang tinggi-tinggi yang selalunya mendapat bekalan elektrik dan air yang terputus-putus di samping selalu mengalami kerosakan lif.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua Kementerian Wilayah Persekutuan sedar tentang kesulitan yang dialami oleh penghuni-penghuni rumah pangsa jika terputusnya bekalan elektrik dan air ke kawasan mereka. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang perlu telah dan akan diambil oleh Dewan Bandaraya bagi mengatasi akan masalah ini.

Kebanyakan dari kerosakan terputusnya bekalan elektrik ke kawasan rumah pangsa, selalunya disebabkan oleh penggunaan kuasa yang berlebihan (overloading) oleh penghuni-penghuni rumah pangsa yang berkenaan. Untuk mengatasi masalah ini pegawai-pegawai Dewan Bandaraya menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa ke setiap unit rumah pangsa bagi memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku. Terputusnya bekalan elektrik di rumah-rumah pangsa kadangkala juga disebabkan apabila sub-section — LLN mengalami kerosakan atau pihak LLN sedang menjalankan kerja-kerja membaiki kebel dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bekalan elektrik disambung semula sebaik sahaja kerja-kerja membaiki kebel ataupun sub-station ini dilaksanakan.

Mengenai masalah terputusnya bekalan air pula ke rumah-rumah pangsa, Dewan Bandaraya mengambil tindakan membaiki keadaan itu seperti memperbaiki pam-pam, mengatur paip-paip yang rosak atau karat, supaya pengaliran air tidak tersumbat. Selain dari itu Dewan Bandaraya juga mengambil tindakan menggantikan 'waterpipe' di kawasan-kawasan rumah pangsa yang rosak, supaya bekalan air ke kawasan tersebut tidak tergendala.

Mengenai kerosakan lif-lif pula, seperti yang pernah dinyatakan, Dewan Bandaraya senantiasanya berusaha memastikan bahawa lif-lif tersebut dibaiki semula dengan segera jika didapati rosak. Dewan Bandaraya juga mempunyai rancangan untuk menukarkan lif-lif di rumah pangsa yang telah lama dan usang secara berperingkat-peringkat.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri.

Di sini saya hendak mengemukakan soalan tambahan sedikit iaitu berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas yang lain, umpamanya di rumah-rumah pangsa sekarang di Kuala Lumpur ini jarang diadakan tempat-tempat sembahyang, Dewan Orangramai dan tempat-tempat kemudahan-kemudahan permainan. Oleh itu apakah rancangan Dewan Bandaraya sama ada dapat mengadakan di masa akan datang supaya penghuni-penghuni bila pindah senang pergi sembahyang dan berjumaah. Tempat sembahyang pada masa sekarang tidak ada hanya setelah sebulan, dua bulan baru hendak dipecahkan bilik hendak mengadakan tempat sembahyang, apa salahnya diadakan terlebih dahulu.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya ke satu kawasan iaitu di Kampung Baru baru-baru ini, di rumah-rumah pangsa saya dapati memang benar ada tempat-tempat tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi dan sebaliknya pula ada beberapa tempat seperti bangunan-bangunan rumah pangsa yang baru dibekalkan dengan kemudahan seperti tempat sembahyang dan juga kawasan-kawasan permainan. Walau bagaimanapun, cadangan ini merupakan satu cadangan yang baik dan insya Allah ini kita akan ambil ingatan dalam merancang rumah-rumah pangsa yang baru.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rumah pangsa, saya ingin menyentuh mengenai bekalan elektrik dan air. Bukan sahaja rumah-rumah pangsa menghadapi kesulitan, tetapi rumah-rumah biasa, rumah Kerajaan dalam

Wilayah Persekutuan pun menghadapi kesulitan ini. Walaupun sudah dibuat report tidak dapat mengambil air sembahyang dan menggunakan air di kedua-dua bilik atas dalam bulan Disember masa Senate yang lalu sampai sekarangpun masih belum diperbaiki. Saya hairan bagaimana pentadbiran berkenaan dengan hal-hal perumahan bagi penghuni-penghuni rumah bukan sahaja di rumah pangsa tetapi rumah Kerajaan sendiri di Wilayah ini, iaitu daripada bulan Disember pada masa mesyuarat yang lalu dibuat report tidak dapat menggunakan kedua-dua bilik atas sampai sekarang masih belum diperbaiki lagi, walaupun sudah ditelefon, diberitahu kepada pihak yang berkenaan, tetapi dia kata tunggu-tunggu. Ini adalah perkara yang benar, kebetulannya rumah yang saya kadang-kadang menumpang sebentar. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa perkara yang macam ini dapat diatasi secepat mungkin di masa hadapan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya dapat memberi jaminan, saya ingin hendak mengetahui dengan spesifiknya di mana rumah itu dan alamatnya supaya dapatlah kita menyasiat, adakah itu bidang tugas Kementerian ini ataupun tidak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi dan kalau perlu saya akan bawa Yang Berhormat Menteri sendiri menyasiat sekarang juga, sebab apa yang saya katakan di Dewan ini adalah benar. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu pergi bersama saya, saya akan tulis surat memberitahu alamat rumah itu selepas ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup pergi bersama dengan Yang Berhormat hari ini juga, kalau perlu (*Ketawa*).

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui pertama sekali apakah persediaan yang dibuat oleh pihak Bandaraya jika berlaku sesuatu kebakaran di rumah-rumah pangsa dalam Wilayah.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah yang dibuat oleh pihak Bandaraya sekarang

memandangkan banyaknya rumah-rumah pangsa di sekitar Bandaraya sekarang ini, tetapi keadaan rumah-rumah pangsa itu kotor sekali, sampah dan kebersihan rumah pangsa itu tidak begitu terjaga, jadi apakah yang telah dibuat oleh pihak Dewan Bandaraya untuk kebersihan rumah-rumah pangsa ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa di rumah-rumah pangsa ini ada disediakan alat-alat pemadam api dan kemudahan-kemudahan ini adalah dipertingkatkan dari masa ke semasa, pegawai-pegawai kita juga pergi memeriksa supaya dapat menjamin bahawa alat-alat ini dapat diguna pada masa-masa ianya dikehendaki.

Mengenai persediaan yang dibuat oleh pihak Bandaraya tentang kebersihan ini, pihak Bandaraya hanya dapat mengadakan kemudahan-kemudahan seperti tong sampah dan lain-lain lagi, tetapi masalah pelaksanaan ini terpulang sangatlah kepada sikap dan habit penghuni-penghuni itu sendiri. Walau apapun, kemudahan yang kita boleh sediakan, tetapi kalau mereka tidak responsive kepada kemudahan-kemudahan ini maka ianya tidak akan berjaya, sebab itulah saya pernah berkata supaya kita berusaha menukarkan sikap kita dalam masalah pembersihan bandar kita ini.

#### WAKIL KAUM INDIA DI KEDUTAAN BESAR MALAYSIA

**3. Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Luar Negeri memberitahu bilangan wakil-wakil yang terdiri dari Kaum India yang mewakili Malaysia di Kedutaan-kedutaan Besar Malaysia di luar negeri dan apakah tindakan Kerajaan untuk menambahkan lagi jumlahnya di masa-masa akan datang.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, suka saya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perlantikan Pesuruhjaya Tinggi/Duta Besar sebagai wakil Malaysia di luar negeri adalah berdasarkan kepada budibicara Kerajaan dan juga sejajar dengan prinsip-prinsip perkhidmatan. Di antara faktor-faktor pertimbangan yang dititikberatkan di dalam

perlantikan tersebut bukanlah soal kaum tetapi ialah kesesuaian seseorang pegawai, pengalaman dan kekananannya dan, tidak kurang pentingnya, ialah penerimaan negara yang berkenaan.

#### SIMPANAN KOTAK KONTENA DI PELABUHAN KELANG

**4. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab perkarangan kontena baru di Pelabuhan Kelang roboh lima minggu selepas dibuka.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan pelabuhan utara termasuk lapangan-lapangan letak kontena di Pelabuhan Kelang adalah terletak di atas tanah yang ditambah dan dipulihguna daripada paya bakau. Oleh yang demikian, dengan kawasan yang dipulihguna ini digunakan untuk laluan jentera-jentera yang berat, ataupun kawasan simpanan kotak-kotak kontena, kawasan tanah ini akan menjadi suntuk dan tenggelam beberapa inci. Kawasan ini adalah dijangka akan mengalami keadaan seperti ini untuk beberapa tahun lagi dan perkara ini tidaklah membimbangkan.

#### YAYASAN PENYAKIT JANTUNG BERLUBANG

**5. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu yayasan bagi membantu kanak-kanak yang mengidap penyakit jantung berlubang untuk mendapatkan bayaran serta rawatan pembedahan di luar negeri.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebagaimana yang telah diterangkan dalam Dewan ini pada 17hb April, 1981 yang lalu, Kementerian Kesihatan sedang giat merancang penubuhan sebuah Pusat Jantung di negara ini sebagai satu langkah jangkamasa panjang bagi menampung keperluan pesakit-pesakit jantung supaya kebanyakan mereka tidak perlu lagi mendapatkan rawatan di luar negeri. Dengan adanya rancangan ini, maka

Kementerian berpendapat tidaklah perlu ditubuhkan yaysan kewangan untuk keperluan merawat pesakit-pesakit jantung. Adalah difikir lebih baik jika peruntukan ini digunakan bagi penubuhan Pusat Jantung ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan ada memberi bantuan perkhidmatan kepakaran serta lain-lain pertolongan bagi memudahkan pesakit-pesakit itu pergi ke luar negeri. Kementerian berharap dengan penubuhan Pusat Jantung itu, maka bilangan yang perlu dirawat di luar negeri akan dapat dikurangkan.

Kita amat menghargai dan berterima kasih atas sumbangan dan sokongan sukarela dari badan-badan tertentu dan pendermawapenderma individu kepada mereka yang menghendaki pertolongan seperti ini.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Saya berasa cukup gembira mendengar yang pihak Kementerian Kesihatan sedang berikhtiar untuk mengadakan Pusat Jantung di Malaysia sendiri. Saya suka bertanya kepada pihak Kementerian, Pusat Jantung yang dicadangkan ini adakah termasuk di dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat yang baru kita luluskan di dalam Dewan ini, dan kalau ada, bilakah jangkanya akan siap untuk membolehkan pesakit-pesakit jantung kita tidak payah pergi ke luar negeri?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kita masukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ada soalan No. 12 di mana saya akan menghuraikan dengan lebih lanjut tentang masalah Pusat Jantung, kalau boleh saya diizinkan memberi jawapan yang lebih lanjut kepada soalan No. 12 nanti.

#### **KELAS TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK**

**6. Puan Rogayah Ariff** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk mengambilalih semua Kelas-kelas TBK, TDK yang dijalankan oleh badan-badan sukarela atau pihak-pihak lain akan diserahkan di bawah kelolaan KEMAS.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak ada cadangan untuk mengambil alih semua Kelas-kelas Taman Didikan Kanak-kanak yang dijalankan oleh badan-badan sukarela atau pihak-pihak lain untuk diserahkan ke bawah kelolaan KEMAS.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu di bawah kawalan siapakah Taman-taman yang ada itu selain daripada Taman Bimbingan Kanak-kanak, dan yang keduanya, tidakkah Kerajaan berasa kluatir membenarkan Taman-taman itu dibuka yang dikelolakan oleh guru-guru yang tidak mendapat latihan secukupnya kerana itu dibimbangkan harus akan merosakkan asas kanak-kanak yang belum cukup umur tadi.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui KEMAS mengelolakan kelas-kelas yang bernama Taman Bimbingan Kanak-kanak. Kelas-kelas yang dikelolakan oleh badan-badan selain daripada Kementerian Pertanian selalunya diberi nama Taman Didikan Kanak-kanak. Taman Didikan Kanak-kanak ini pengelolaannya terserahlah kepada badan-badan yang melaksanakan Taman Didikan Kanak-kanak tersebut sama ada dari segi gurunya terlatih ataupun tidak. Walau bagaimanapun Taman Bimbingan Kanak-kanak yang dikelolakan oleh KEMAS gurugurunya adalah semuanya terlatih dan begitu juga pembantu gurunya juga diberi latihan yang cukup sebelum ianya dapat menjalankan kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak yang dikelolakan oleh KEMAS.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Yang saya maksudkan bila sudah diketahui bahawa kebanyakan Taman-taman ini ditubuhkan oleh badan-badan sukarela dan separuhnya didapati guru-guru yang mengajar di dalamnya tidak mempunyai asas latihan mengajar sama sekali, oleh itu dibimbangkan manakala anak-anak kita dihantar ke situ harus akan merosakkan asas didikan yang mereka akan masuk ke sekolah nanti bila diajar di waktu pra-sekolah ini oleh guru-guru

yang tidak berkelayakan. Adakah Kementerian bercadang hendak mengambilalih atau mengawali kesemua sekali Taman-taman yang ada dalam negara kita ini?

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, satu kajian mengenai pendidikan pra-sekolah sedang dijalankan oleh Kerajaan dan hasil daripada kajian-kajian ini kelak akan dibuat beberapa perakuan di dalam dasar pendidikan pra-sekolah negara ini tetapi ini tidak termasuk dalam bidangkuasa Kementerian Pertanian tetapi termasuk dalam Kementerian yang lain yang tidak dapat saya menjawabnya.

#### PEMBEDAHAN MEMISAHKAN "KEMBAR SIAM"

7. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan telah tercapai satu kejayaan pembedahan memisahkan bayi kembar melekat atau "Kembar Siam" di negara ini, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menambahkan lagi alatan moden dan pakar-pakar untuk meningkatkan lagi pembedahan seumpama ini di masa yang akan datang.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kemudahan kepakaran dan alatan untuk menjalankan pembedahan memisahkan "Kembar Siam" (Siamese twins) yang tertentu boleh didapati di Hospital Universiti dan juga di Hospital Besar Kuala Lumpur. Jika perlu, kemudahan-kemudahan ini akan dikaji dari masa ke semasa untuk meningkatkan lagi keupayaannya.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa bukan semua "Kembar Siam" boleh dipisahkan, umpamanya jika pasangan tersebut mempunyai satu jantung ataupun satu "Spinal Chord" yang sama.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, apakah

sebabnya terjadi 'Kembar Siam' ini? (*Ketawa*).

Kedua, bagaimana mengelakkannya kerana kalau kita boleh mencegahnya kita tidak payah banyak mengeluarkan belanja untuk membuat pusat itu, pusat ini; kerana Menteri adalah seorang doktor tentulah dia arif dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, cara mengelaknya ialah tidur seorang (*Ketawa*).

#### MINYAK DIESEL — JUALAN TERHAD

8. **Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa minyak diesel untuk kenderaan dijual dengan terhad dan sama ada terdapat sebarang peraturan seperti ini dari Kementerian.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengadakan beberapa peraturan tertentu untuk mengawasi pembekalan dan pengedaran minyak diesel di seluruh negara bagi memastikan bekalan sentiasa ada dan mencukupi bagi menampung keperluan pengguna-pengguna. Di antara peraturan yang diadakan ialah menghadkan penjualan runcit minyak diesel di pam-pam minyak kepada paras 20 gelen untuk kenderaan berat dan 10 gelen untuk kenderaan ringan pada satu-satu masa kecuali kepada kenderaan Kerajaan.

Peraturan ini berkuatkuasa mulai daripada 1hb Oktober, 1979. Walau bagaimanapun had pembelian maksima ini telah dipinda kepada 36 gelen untuk kenderaan berat dan 8 gelen untuk kenderaan ringan mulai daripada 1hb Jun, 1980 dan masih dikuatkuasakan hingga sekarang. Kementerian saya berpendapat bahawa peraturan ini perlu dilaksanakan oleh kerana penjualan minyak diesel tanpa had dan kawalan akan memberi kesempatan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasikan bekalan yang kelak hanya akan menyulitkan bekalan bahan berkenaan.

## PEKERJA MALAYSIA DI NEGARA ARAB—LAYANAN BURUK

**9. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah benar bahawa sebahagian besar pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di beberapa buah negara Arab sekarang ini sedang menderita dan dibuat sebagai hamba abdi oleh pihak majikan masing-masing, manakala pekerja-pekerja wanita pula dipaksa melakukan hubungan jenis dan dicabul kehormatannya oleh tuan-tuan mereka. Jika benar apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kebajikan dan keadaan hidup pekerja-pekerja Malaysia di negara-negara Arab sekarang ini adalah memuaskan. Pejabat-pejabat perwakilan kita sentiasa mengawasi keadaan ini dan sentiasa bersedia untuk memberi bantuan kepada pekerja-pekerja yang menghadapi masalah.

Kementerian saya difahamkan bahawa, walaupun terdapat pekerja-pekerja yang tidak diberi layanan yang memuaskan oleh majikan masing-masing yang tertentu dan menuduh mereka ditindas atau lain-lain, mereka ini tidak dapat memberi bukti yang nyata yang membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan mereka.

Kerajaan Saudi telah menasihatkan bahawa sekiranya ada di antara pekerja-pekerja Malaysia yang ditindas dan sebagainya oleh majikan, mereka seharusnya membawa perkara-perkara tersebut kepada Mahkamah Saudi. Buat masa ini belum ada di antara pengadu-pengadu yang sanggup berbuat demikian.

Kebanyakan dari kes-kes yang dibuat adalah dari orang-orang perseorangan yang diambil bertugas di negara Arab secara persendirian, sebagai tukang masak, pembantu rumah dan lain-lain. Mereka nampaknya, tidak puashati dengan layanan yang diberi oleh majikan masing-masing

seperti kebebasan bergaul, bersiar-siar dan lain-lain. Selain dari itu faktor-faktor lain seperti rindu kampung halaman dan kaum keluarga yang jauh, iklim yang berlainan, semuanya adalah faktor-faktor dalam keadaan ini.

Untuk mengatasi perkara ini, Kementerian saya telah pun membuat satu undang-undang iaitu Akta Agensi Pekerjaan Swasta, 1981, yang akan dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi. Antara lain undang-undang ini menghendaki semua agensi-agensi pekerjaan swasta yang ingin mengambil pekerja-pekerja Malaysia untuk berkhidmat di negara-negara asing perlu membayar "bond" yang telah ditetapkan dan juga syarat-syarat yang lebih ketat yang akan dikenakan di bawah undang-undang tersebut. Adalah diharap dengan kuatkuasa undang-undang ini kelak, maka kedudukan ini akan lebih terkawal lagi.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Bersabit dengan pekerja-pekerja kita keluar daripada Malaysia pergi ke Tanah Arab, Singapura dan lain-lainnya; saya suka bertanya, saya fikir tentulah salah satu sebab mereka terpaksa keluar ke Tanah Arab, pekerja-pekerja kita itu dapat upahan yang lebih daripada sini.

Ada satu masalah yang timbul iaitu dalam negara kita sendiri kita kekurangan buruh apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana aturcara boleh kita mengurangkan atau seboleh-bolehnya kita dapat menyekat pekerja-pekerja kita dalam tanahair kita tidak pergi menyeberangi ke negara lain misalnya kita boleh mengatasi upahan-upahan kerja yang berpatutan atau saya hendak bertanya sekarang nombor duanya, bolehkah Dewan ini tahu setakat ini berapa ramai pekerja-pekerja kita daripada Malaysia di Tanah Arab atau kalau boleh menjawab lagi satu saya hendak di negara yang dekat iaitu di Singapura.

**Dato K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat memberi angka-angka mengenai rakyat Malaysia yang berada atau bekerja di luar negeri kerana mereka ini tidak dikehendaki mendaftar diri atau mendapatkan kelulusan Kerajaan Malaysia sebelum mereka berhijrah ke luar negeri itu.

Kedua, sebab mereka pergi atau tidak pergi adalah satu yang persendirian tetapi Kerajaan tidak bercadang untuk menyekat mereka yang ingin berhijrah untuk bekerja di lain-lain negara. Memang Kerajaan Malaysia sendiri telah mengadakan berbagai-bagai Rang Undang-undang yang memajukan keadaan dan kebajikan pekerja-pekerja kita untuk memberi penarikan yang lebih besar kepada mereka bermastautin di sini dan berkhidmat dan menyumbang kepada negara ini juga dan Kerajaan akan sentiasa meneruskan dengan rancangan untuk membaiki keadaan pekerjaan di sini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Kementerian yang berkenaan membuat satu jangkauan penelitian bagi menjaga keutuhan negara kita sendiri membuat garis-garis yang tertentu kepada pekerja-pekerja di negeri kita ini yang hendak bekerja di luar negeri.

**Dato K. Pathmanaban:** Untuk membuat garis-garis tertentu bagi mereka yang pergi ke berbagai-bagai negara adalah satu yang rumit. Tetapi nasihat kami yang sentiasa diberi adalah sebelum mereka bertolak ke negara-negara asing untuk bekerja adalah baik, adalah wajar untuk mereka berunding dengan pejabat kami, dengan pegawai-pegawai kami dan kita dapat meneliti keadaan tertentu di negara-negara yang mereka ingin bekerja dan garis panduan ini kita sentiasa mengumumkan. Tetapi malangnya ramai di antara pekerja-pekerja kita yang pergi ke negara-negara asing tanpa memberitahu atau tanpa check dahulu sebelum mereka bertolak.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Timbalan Menteri berkenaan telah menjawab soal buruh kita di luar negeri yang kena tipu dan sebagainya. Sekarang saya hendak bertanya soal buruh kita dalam negeri iaitu sebagai tukang masak, penjaga rumah dan sebagainya. Ada saya dapat tahu mereka juga ditipu oleh majikan-majikan mereka, mereka pergi di kampung-kampung mengambil anak-anak dara atau pekerja, bila sampai di rumah mereka sebelum dia datang telah berjanji dengan gaji, kelepasan am dan sebagainya tetapi apabila mereka ini telahpun bekerja mulalah tekanan-tekanan diberi

kepada pekerja-pekerja itu. Umpamanya, gaji yang dijanjikan tidak setepat sebagaimana yang dikatakan. Umpamanya \$100 hanya diberi \$80 atau \$60 sahaja. Di samping itu tiada kelepasan pada hari minggu dan sebagainya. Apakah tindakan Kerajaan dalam soal ini.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah soalan yang lain.

### CETAKAN MATAWANG MALAYSIA

**10. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada jentera percetakan di Jabatan Cetak Negara berupaya menjalankan percetakan matawang di Malaysia dan sekiranya tidak bilakah jentera yang sophisticated seperti ini dapat diperolehi bagi menjalankan percetakan matawang di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Percetakan Negara tidak mempunyai kemudahan untuk menjalankan kerja-kerja mencetak matawang Malaysia. Buat masa sekarang, kerja-kerja percetakan tersebut adalah dijalankan oleh syarikat-syarikat di luar negeri. Ini adalah kerana kerja-kerja mencetak matawang adalah satu kerja yang memerlukan kemahiran yang tinggi dan tidak seharusnya dijalankan bersama-sama dengan kerja-kerja percetakan biasa seperti yang dijalankan oleh Jabatan Percetakan Negara pada masa ini. Walau bagaimanapun, Bank Negara sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan sebuah kilang percetakan keselamatan bagi mencetak matawang Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Soalan tambahan. Agak-agak sampai bila masa boleh kita adakan alat itu.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya susah sedikit hendak agak-agak ini; kalau ada satu masa yang tepat saya akan berikan jawapan yang tepat.

## BIRO PENGADUAN AWAM— SIASATAN KES

**11. Dr Choo Kooi Fook** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Biro Pengaduan Awam tidak dapat menyasat dan menyelesaikan 765 kes dalam tahun 1979 dan 500 kes dalam tahun 1980.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Biro Pengaduan Awam menapis semua aduan yang diterima untuk disiasat dan diambil tindakan seterusnya. Mengenai aduan-aduan yang didapati melibatkan perkara-perkara di luar bidangkuasa Biro, pengadu-pengadu akan dinasihatkan mengambil langkah-langkah yang patut atau sekiranya wajar aduan-aduan itu dikemukakan oleh pihak Biro terus kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Biro menetapkan jangka masa proses penyiasatan aduan-aduan sesuatu tahun dari 1hb. Januari hingga 31hb. Disember tahun-tahun berkenaan. Benar ada sebilangan aduan yang diterima dalam tempoh masa ini yang tidak dapat diselesaikan menjelang 31hb. Disember tahun berkenaan. Kegagalan menyelesaikan aduan-aduan timbul bila aduan dikemukakan lewat pada hujung tahun. Aduan juga tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa yang ditetapkan, kerana antara lainnya proses penyiasatan ke atas aduan tersebut melibatkan dan memerlukan rujukan kepada beberapa agensi-agensi berkaitan. Ada kalanya pengadu-pengadu sendiri gagal memberi butir-butir lengkap mengenai tuduhan-tuduhan yang dikemukakan. Dalam hal ini Biro terpaksa merujuk hanya kepada beberapa punca, bagi mendapatkan butir-butir lengkap dan menentukan keadaan yang sebenarnya. Ini memakan masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap aduan yang diterima disiasat sehingga tercapai penyelesaian walaupun penyiasatan akan berlanjutan pada tahun-tahun yang berikutan. Lamanya masa diambil untuk menyasat sesuatu aduan, bergantunglah kepada keadaan dan kerumitan kes itu sendiri.

## PENUBUHAN PUSAT JANTUNG

**12. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud** minta Menteri Kesihatan menyatakan cadangan Kerajaan, jika ada, untuk menubuhkan satu pusat jantung yang lengkap di negara kita ini. Jika ada, bagaimanakah kemajuannya sekarang dan bilakah dalam jangkaan Menteri pusat sedemikian boleh mula memberi perkhidmatannya.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin merangkumkan soalan No. 29 dari Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo dan juga soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Dato Haji Mahmoud Salim tadi di dalam menjawab soalan ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soalan yang seakan-akan sama seperti ini telahpun dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 17hb April, 1981. Saya ingin menjelaskan lagi di sini bahawa Kementerian Kesihatan sememangnya bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Jantung yang lengkap di negara ini bagi merawat pesakit-pesakit jantung.

Di dalam perancangan Pusat Jantung ini, sekumpulan pegawai-pegawai perubatan dan para perubatan akan dihantar ke Australia pada bulan Jun/Julai 1981 untuk latihan intensif selama 6 bulan dalam bidang pembedahan jantung. Di samping itu, seorang Pakar Bedah Jantung warganegara Malaysia sedang menjalani latihan di sana, dan akan kembali ke tanahair untuk menubuhkan Jabatan Pembedahan Jantung sebagai satu langkah interim. Adalah dijangkakan bahawa Jabatan ini akan dapat memulakan perkhidmatannya pada akhir tahun 1982.

Sementara itu Kementerian Kesihatan juga sedang merancang menubuhkan sebuah lagi Pusat Cardio-Thoracic yang lebih lengkap lagi di Kuala Lumpur sebagai satu projek jangkamasa panjang. Untuk menjamin kejayaan projek ini, sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan juga mempunyai hubungan yang berterusan dengan pihak hospital di Australia di mana pakar-pakarnya akan dijemput bagi memberi nasihat serta panduan mengenai penubuhan

Pusat Jantung kita. Di samping itu Hospital di Australia juga bersetuju mengadakan peluang-peluang latihan bagi kakitangan dan pakar-pakar jantung kita, selain dari menghantarkan pakar-pakar jantung ke Malaysia bagi memberi pertolongan dan panduan kepada pakar jantung kita dari masa ke semasa. Selain dari itu Kementerian Kesihatan juga berusaha mendapatkan tempat-tempat latihan di negara-negara lain untuk latihan dalam bidang pembedahan jantung. Perlu ditegaskan di sini bahawa bidang pembedahan jantung merupakan satu-satu disiplin kepakaran yang rumit dan memerlukan latihan yang tertentu dan intensif. Oleh itu penubuhan pusat seperti ini memerlukan perancangan jangkamasa panjang yang teliti bagi menjamin kejayaannya.

#### UNIVERSITI ASEAN DI KOTA KINABALU

**13. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa satu laporan sedang dibuat mengenai penubuhan Universiti ASEAN di Kota Kinabalu dan jika benar nyatakan:

- (a) Keanggotaan ahli jawatankuasa yang membuat laporan itu dan bila laporan ini akan disiapkan, dan;
- (b) Luas tanah yang diuntukkan untuk kawasan universiti ini di Kota Kinabalu.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya konsep Universiti ASEAN masih belum tiba ke peringkat Kerajaan lagi dan hanya masih lagi dalam peringkat perbincangan dan tidak ada jawatankuasa rasmi yang ditugaskan untuk mengkaji kemungkinan universiti ini ditubuhkan oleh Kerajaan. Pada masa ini Kerajaan hanya sedang mengumpul pandangan-pandangan dan buah fikiran tentang projek ini oleh sebab perkara ini melibatkan kesemua negara-negara ASEAN dan juga akan menimbulkan begitu banyak implikasi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengikuti apa-apa pergolakan lebih-lebih lagi di kalangan para akademik ASEAN sendiri dan berhati-hati

serta meneliti dengan sedalam-dalamnya projek ini sebelum membuat apa-apa keputusan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan. Terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Saya suka bertanya jikalau belum sampai ke pengetahuan Kerajaan atau Kementerian Pelajaran sendiri ura-ura menubuhkan sebuah Universiti ASEAN ini, saya suka bertanya berita-berita atau tunjuk kata yang dilaporkan satu masa yang lalu siapakah di antara penaja-penaja yang tersebut, adakah bagi pihak akademik-akademik dalam Malaysia ataupun akademik-akademik seluruh negara ASEAN sendiri.

**Dato Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perkara ini adalah dalam pengetahuan tetapi belum tiba untuk diteliti di peringkat Kerajaan. Kita tahu maknanya, kita sudah dengar cerita berhubung dengan konsep penubuhan Universiti ASEAN ini. Dari segi siapakah di kalangan mereka ini saya sukar sedikit hendak menjawabnya tetapi setahu saya ada di kalangan para akademik di Malaysia sendiri yang menganjurkan konsep ini, sama ada hasil daripada pakatan mereka dengan para akademik lain-lain negara ASEAN atau dengan persendirian, ini tidak dipastikan, walau bagaimanapun konsepnya ialah di dalam pengetahuan Kerajaan.

#### KEKURANGAN GULA/SUSU— PERMAINAN ORANG TENGAH

**14. Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang-orang tengah telah memainkan peranan anti nasional apabila mereka memainkan orang ramai dalam perkara gula pasir dan susu dalam tin dan jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya perkara sedemikian tidak akan berlaku lagi.

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa salah satu faktor yang menyebabkan kekurangan bekalan barang-barang keperluan di Negara

adalah berpunca daripada tindakan-tindakan curang dan amalan-amalan perniagaan yang tidak sihat yang diamalkan oleh setengah-setengah peniaga atau "orang tengah" yang tidak bertanggungjawab. Kegiatan-kegiatan ini merangkumi berbagai-bagai aktiviti yang bertujuan untuk mengeksploitasi pengguna-pengguna seperti penyorokan, penyeludupan, enggan menjual dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kegiatan curang ini tidaklah berlaku dengan berleluasa tanpa kawalan dan perhatian dari Kerajaan. Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa bergiat melakukan pemeriksaan-pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga ini untuk mengesan dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan tegas mengikut lunas Undang-undang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sepanjang tahun 1980, Kementerian saya telah mengambil tindakan sebanyak 223 kes yang melibatkan barang-barang rampasan bernilai kira-kira 1.6 juta ringgit kerana berbagai-bagai kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam hubungan ini sukalah saya menyarankan bahawa walau bagaimana tegas sekalipun tindakan yang dijalankan, ianya tidak akan dapat membentasi kegiatan ini seratus peratus. Apa yang dapat dilakukan oleh Kerajaan ialah untuk menghadkan kegiatan ini dengan seberapa yang boleh. Orang ramai juga perlu bekerjasama dengan memberikan maklumat dan keterangan terperinci mengenai amalan-amalan curang ini supaya tindakan tegas dan segera dapat diambil oleh pegawai-pegawai Kementerian saya. Kerjasama orang ramai yang amat menggalakkan selama ini diharapkan akan diteruskan agar masalah eksploitasi yang berlaku dapat dicegah dari masa ke semasa. Dalam pada itu, orang ramai juga harus elak dari perbuatan membeli berlebih-lebihan apabila sahaja ada berita angin tentang kenaikan harga barang.

#### **RUMAH KOS RENDAH— RUMAH PANGSA**

**15. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Wilayah Persekutuan memandangkan kepada beribu-ribu pemohon rumah yang berbaris sejak awal pagi lagi untuk mendapatkan borang permohonan bagi rumah yang hanya

ratusan buah sahaja di sekitar Kuala Lumpur, apakah tindakan beliau akan ambil untuk menambahkan lagi bilangan unit rumah-rumah di Kuala Lumpur untuk menampung permohonan-permohonan yang semakin bertambah.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang dipertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah terutama rumah kos rendah/rumah pangsa memandangkan bertambahnya bilangan penduduk di Bandaraya ini. Umpamanya, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 30,000 unit rumah kos rendah/rumah pangsa dirancang untuk dibina bagi menampung keperluan penduduk-penduduk di ibukota ini.

Sebagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap rumah-rumah kos rendah/rumah pangsa di Wilayah Persekutuan. Dewan Bandaraya mengambil berat dan berusaha di dalam melaksanakan projek-projek rumah-rumah kos rendah/rumah pangsa ini. Untuk menyejajarkan lagi pelaksanaan rumah-rumah kos rendah, Dewan Bandaraya membuat "pre-qualification" terhadap pemborong pemborong dan kontraktor-kontraktor terlebih dahulu supaya latar belakang serta kemampuan mereka dapat diketahui. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pembinaan rumah-rumah kos rendah tidak tergendala.

Selain dari itu Dewan Bandaraya juga sedang mengkaji cara-cara dan teknologi baru dibidang pembinaan rumah-rumah. Ini termasuk mengkaji sama ada cara "turn key system" sesuai untuk digunakan di dalam melaksanakan pembinaan rumah-rumah kos rendah. Dewan Bandaraya juga telah membuat persiapan awal untuk membina projek-projek perumahan kos rendah di beberapa tapak bekas lombong dan juga bekas perkampungan setinggan bagi mengatasi masalah tapak.

Rancangan untuk membina rumah-rumah kos rendah ini perlu dilaksanakan dengan teliti lagi teratur. Ini disebabkan selain dari masalah mendapatkan tapak/tanah yang sesuai, pembinaan rumah-rumah kos rendah ini juga berkait rapat dengan rancangan

penempatan dan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan ini.

### PEMBORONG BUMIPUTRA

**16. Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bentuk bimbingan dan galakan yang telah dan akan diberikan kepada pemborong-pemborong bumiputra supaya mereka berjaya dalam lapangan pembangunan dan nyatakan juga lesen pemborong bumiputra yang telah dibatalkan oleh pihak Jabatan Kerjaraya.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah dan usaha untuk membimbing dan menggalakkan pemborong-pemborong bumiputra berjaya dalam lapangan pemborongan, Kementerian saya telah dan akan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) Di Kementerian saya terdapat Unit Penyertaan Bumiputra, yang khususnya berfungsi dan memainkan peranan untuk membantu, membimbing serta menggalakkan pemborong-pemborong terutama bagi melaksanakan penyeliaan projek yang diperolehi oleh pemborong bumiputra itu. Sukacita juga saya mengumumkan Unit ini mempunyai 4 buah Pejabat Cawangan yang menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan lain-lain usaha bagi membantu pemborong-pemborong Bumiputra. Khidmat nasihat ini adalah meliputi perkara-perkara teknikal, kontraktual dan juga bagi mendapatkan bantuan bagi menyelesaikan masalah-masalah pemborong-pemborong bumiputra dalam masa melaksanakan projek-projek mereka untuk disiapkan mengikut tempoh kontrak. Untuk makluman, kakitangan-kakitangan Unit ini mengandungi juga pegawai-pegawai terlatih seperti Jurukur Bahan, Pembantu Teknik (Sivil) dan Pembantu Teknik (Ukur Bahan).
- (ii) Kementerian saya telah mengadakan kursus-kursus asas dan lanjutan kepada pemborong-pemborong bumiputra

dengan tujuan bagi meluaskan pengetahuan mereka mengenai pemborongan dan pelaksanaan projek. Dalam kursus ini mata-mata pelajaran yang telah diajar kepada pemborong-pemborong ialah; memahami pelan dan aspek-aspek teknikal, memahami peraturan dan syarat-syarat kontrak, membuat anggaran kerja dan lain-lain lagi.

- (iii) Kementerian saya juga telah dan akan terus mengadakan ceramah-ceramah dan dailog kepada pemborong-pemborong bumiputra.
- (iv) Kementerian ini juga berhubung dengan institusi-institusi kewangan, agensi-agensi Kerajaan, pembekal-pembekal bahan binaan, Unit untuk membantu pemborong-pemborong bumiputra, di dalam hal-hal tersebut.

Menyentuh kepada soalan Yang Berhormat mengenai bilangan lesen yang telah digantung dan yang telah dibatalkan oleh Kementerian saya, adalah dimaklumkan bagi Kelas A hingga C, yang telah dibatalkan adalah sebanyak 5 lesen dan yang telah digantung adalah sebanyak 2 lesen. Bagi Kelas D hingga F yang telah dibatal ialah sebanyak 97 lesen dan yang telah digantung ialah sebanyak 116 lesen, menjadikan jumlah kesemuanya sebanyak 220 lesen.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang telah memberi angka-angka dan telah memberi kenyataan yang begitu baik kepada pendengaran. Kalau sekiranya sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri perkara-perkara membantu bumiputra dan anjuran-anjuran yang dikatakan tadi bagaimana pula boleh lesen bumiputra ini dibatalkan. Tidakkah ini bercangah dengan adanya anjuran-anjuran daripada pihak Kementerian dan Jabatan Kerjaraya tempatan yang menganjur ceramah-ceramah, bimbingan-bimbingan, nasihat-nasihat dan sebagainya kepada kontraktor-kontraktor bumiputra tiba-tiba didapati beratus-ratus pula lesen bumiputera itu dibatalkan dan digantungkan. Adakah perkara yang berlaku ini dengan sebab keengganan pihak bumiputra sendirih,

kecuaian diakah ataupun macam mana yang boleh berlaku ini?

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan daripada Kementerian saya untuk menggalak kontraktor-kontraktor bumiputra ialah satu tindakan yang lain daripada tindakan-tindakan yang telah kita ambil atas mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat yang mereka terima daripada Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya boleh jugalah memberi perkara-perkara atau sebab-sebab lesen-lesen pemborong dibatalkan atau digantung di sini. Pendaftaran pemborong dibatalkan adalah atas sebab-sebab berikut:

- (1) kemajuan pelaksanaan projek tidak memuaskan dan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak.
- (2) nilai projek dalam pelaksanaan berganda dari nilai yang diluluskan semasa pendaftaran kelas.
- (3) pemborong menarik diri dari tawaran selepas ditawarkan.
- (4) kontrak dimansuhkan.
- (5) pemborong dikenakan tindakan mahkamah kerana bankrupt.
- (6) pemborong-pemborong mensub-kontrak keseluruhannya pelaksanaan projek kepada pemborong-pemborong bukan bumiputra walaupun mereka terima atas nama bumiputra. Jika mereka beri kerja ini kepada orang lain, saya mesti ambil tindakan (*Ketawa*).
- (7) tidak giat dan cergas dalam perniagaan syarikat atau menjadi "sleeping partners". Ini satu masalah yang saya suka jugalah menyelesaikan iaitu "sleeping partners".

Akhir sekali terbukti telah meng-Ali-Babakan kerja atas tawaran kerja yang telah diberikan kepada mereka. Inilah Ahli-ahli Yang Berhormat tindakan-tindakan Kementerian saya telah ambil terhadap sesiapa yang sebenarnya salah ini. Tetapi kepada siapa suka juga menjalankan kerja dengan nama mereka mengikut syarat-syarat yang dikenakan kepada Kementerian saya, kita mesti tolong. Kita tidak mahu batalkan

lesen mereka walaupun di dalam tangan saya ada sekarang lebih kurang 80% kontraktor-kontraktor daripada negeri Kedah suka mendapat daripada JKR untuk membatalkan lesen-lesen mereka tetapi saya tidak mengambil tindakan lagi, sebab mahu beri dia peluang sekali lagi (*Ketawa*).

**Tuan Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berasa bangga kepada Menteri yang berkenaan yang telah mengadakan segala-gala yang telah kita dengarkan tadi. Saya percaya kalau dapat dilaksanakan bumiputra akan berjaya di dalam perlaksanaannya untuk meningkatkan dari segi kontraktor-kontraktor atau menjayakan usaha-usaha mereka dalam mengambil kontrak-kontrak ini. Saya hendak tahu adakah Yang Berhormat Menteri sedar walaupun segala proses yang telah dibuat oleh bumiputra khususnya pemborong-pemborong sudah diperiksa oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, kemudian dalam masalah penjelasan terlampau lewat untuk diuruskan pembayaran; apa dan mengapa perkara itu berlaku.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, insya Allah saya harap semua tindakan yang kita telah ambil boleh diterima juga oleh saudara-saudara kita orang-orang bumiputra. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak di antara tindakan-tindakan sekarang telah disusun iaitu masalah-masalah yang ada sekarang daripada kontraktor-kontraktor bumiputra saya harap di masa depan kita yakin satu golongan kontraktor bumiputra yang tidak ada beberapa masalah yang mereka ada sekarang. Tindakan telah diambil oleh Kementerian saya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat analisa sendiri ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, seolah-olah seluruh tanahair kita ini sudah terbela nasib kontraktor-kontraktor bumiputra. Walau bagaimanapun, saya yakin Kementerian yang berkenaan telah berbuat sesuatu. Tetapi saya dapati banyak sangat perkara ini dibangkitkan sekarang di paras daerah-daerah dan paras kampung, terutama berbangkit memberi kontraktor kepada bumiputra ini tidak

seimbang bagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Yang kedua, saya mengalami sendiri dan saya pernah dipanggil untuk memberi ceramah di satu daerah dan mendengarkan laporan kontraktor bumiputera berbangkit lagi perkara besar iaitu mereka tidak boleh bergerak dalam kontrak ini disebabkan seperti kata Yang Berhormat saudara saya tadi iaitu pembayarannya selalu lambat, kadang-kadang menunggu 2 bulan sedangkan bumiputera tidak mempunyai modal yang boleh tahan sampai 2 bulan. Ini harus Yang Berhormat Menteri bersuara besar lagi kepada pegawai-pegawai yang bersabit supaya cepat dibayar sebab mereka tidak ada modal, kadang-kadang mereka pinjam daripada bank-bank. Dalam perjumpaan di daerah itu kumpulan itu saya ada jga tengok pengakuan bank memang ada terlewat.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, dalam cara kita hendak membangunkan bumiputra dan kita sekarang telah membangun projek-projek dalam masa 9 atau 10 tahun ini saya suka bertanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kontraktor bumiputra dalam bahagian A, B dan C berapa orang, dan juga beri tahu di Dewan ini berapa yang bukan bumiputra sebab inilah yang muncul mencangkup segala projek di masa yang akan datang dalam pembangunan negeri kita ini.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi angka-angka kontraktor bumiputra dalam kelas A hingga kelas C saya minta notis dari Ahli Yang Berhormat, itu pertama. Yang kedua, saya sendiri sedar sebab banyak di antara kontraktor-kontraktor daripada golongan bumiputra menghadapi masalah-masalah berkenaan dengan bayaran daripada Kementerian saya dan juga Kementerian Kewangan.

Berkenaan dengan perkara ini Kementerian saya telah berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan bayaran-bayaran kepada mereka yang mana mereka menghadapi masalah-masalah atau kesulitan-kesulitan kewangan untuk menjalankan kontrak, ada dalam timbangan.

## PENGANGKUTAN KOTENA DI PELABUHAN KELANG/ PULAU PINANG

**17. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa memandangkan pertambahan pengangkutan kontena di pelabuhan-pelabuhan Malaysia apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan mengendalikan kontena di beberapa pelabuhan Malaysia, terutamanya di Port Kelang, supaya masa pusingan kapal boleh dibandingkan dengan negara Singapura.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan di Malaysia yang mempunyai kemudahan bagi mengendalikan kontena-kontena adalah Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang. Di Pelabuhan Pulau Pinang, tindakan sedang diambil untuk menambah lagi keupayaan pelabuhan ini mengendali kontena dengan pembinaan dermaga kontena baru di Butterworth Utara. Di samping itu, projek mengorek selat utara Pulau Pinang adalah untuk mendalamkan pintu perairan masuk ke Pelabuhan Pulau Pinang dengan tujuan membolehkan kapal-kapal kontena yang lebih besar menyinggah di pelabuhan tersebut.

Bagi Pelabuhan Kelang pula, keupayaan pelabuhan tersebut untuk mengendalikan kontena sebanyak 250,000 TEUS (20-foot equivalent) setahun adalah mencukupi untuk menampung keupayaan mengendalikan kontena sehingga tahun 1985 dan selepas ini kemudahan-kemudahan baru akan disediakan. Selain daripada ini, pengurusan Pelabuhan Kelang akan juga mengambil langkah-langkah tertentu seperti menambah jentera-jentera bagi mengendalikan kontena di bahagian daratnya, meninggikan kemahiran pekerja-pekerja dan juga mengadakan penyelarasan dengan semua pihak-pihak yang terlibat dalam pengendalian kontena.

Berkenaan dengan masa pusingan kapal di Pelabuhan Kelang, izinkan saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kadar mengangkut kontena dari dermaga ke kapal dan sebaliknya telah bertambah baik. Pada

bulan Oktober 1980 kadarnya ialah 6.0 kontena satu crane satu jam. Pada bulan Mac 1981, 14 kontena satu crane satu jam.

Walau bagaimanapun, pihak pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Kementerian Pengangkutan tidak berpuas hati sebab kadar yang dicapai di Pelabuhan Singapura ialah lebih kurang 20 kontena satu crane satu jam. Pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang yang baharu pun telah menetapkan target efficiency yang lebih tinggi untuk dicapai oleh pekerja-pekerja Pelabuhan Kelang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).*

#### RUMAH AWAM KOS RENDAH

**18. Tuan Loh Kee Peng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa memandangkan harga rumah dan bahan-bahan pembinaan telah meningkat tinggi dan menyebabkan rakyat yang berpendapatan rendah sukar membelinya, sama ada Kementerian beliau bercadang supaya membina lebih banyak rumah awam dan rumah kos rendah bagi menampung keperluan rakyat yang berpendapatan rendah.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan):** Kementerian saya sememang bercadang membina lebih banyak rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk menampung keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah. Dalam hal ini sebanyak 176,500 unit rumah awam kos rendah akan di bina oleh Kerajaan. Di samping itu sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah akan dibina oleh Kerajaan. Di Rumah-rumah harga rendah yang dibina oleh Sektor Swasta itu akan dibeli oleh Kerajaan dan bersamaan dengan rumah kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan, akan disewa kepada rakyat berpendapatan rendah. Dengan demikian, kesemuanya 266,500 unit rumah-rumah kos rendah akan disediakan oleh Kerajaan dan sektor swasta untuk mereka yang berpendapatan rendah.

#### ANGGOTA PARTI KOMUNIS MALAYA

**19. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota Parti Komunis Malaya Marxist Leninist dan MNLF yang telah menyerah diri semenjak bulan Januari, 1980.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tidak ada anggota Parti Komunis Malaya Marxist Leninist dan anggota MNLF yang menyerah diri semenjak bulan Januari, 1980.

#### HOSPITAL DAERAH MACHANG— KEKURANGAN DOKTOR

**20. Haji Tuan Ya'acob bin Haji Engku Yunus** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar Hospital Daerah Machang sangat kekurangan doktor iaitu pada masa ini terdapat dua orang doktor untuk penduduk hampir 5,000 orang dan memandangkan jumlah pesakit semakin bertambah sama ada beliau akan menambahkan bilangan doktor di hospital Machang.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya menyedari bahawa Hospital Daerah Machang mempunyai 2 orang Pegawai Perubatan sahaja dan ini adalah difikirkan memadai bagi mengendalikan kerja-kerja di hospital yang mempunyai 31 buah katil. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan mengkaji keadaan seperti ini dari masa ke semasa dan akan menambahkan bilangan Pegawai Perubatan dan kakitangan yang lain, kalau didapati perlu.

#### PERKEBUNAN SAYURAN

**21. Tuan Tan Chang Soon** minta Menteri Pertanian menyatakan kawasan-kawasan perkebunan sayuran yang dilaksanakan secara besar-besaran dan sama ada Kementerian telah memberi bantuan nasihat dan baja kepada pekebun-pekebun sayur-sayuran ini dan sama ada skim-skim telah dirumuskan untuk memperbaiki infrastruktur yang berkaitan untuk mereka.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Kawasan-kawasan perkebunan sayuran yang dilaksanakan secara besar-besaran ialah Cameron Highland di Pahang dan Tangkak di Johor. Selain dari memberi bantuan nasihat kepada kawasan-kawasan ini, Kementerian Pertanian juga ada memberi subsidi yang berupa bahan-bahan tanaman kepada penanam-penanam yang baru berkecimpung dalam penanaman sayuran. Dari segi menyimpan (storage) pula, beberapa buah bilik sejuk juga ada didirikan di kawasan pusat-pusat pertanian dan pusat-pusat pasaran untuk menyimpan hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran yang mudah rosak dan juga merupakan salah satu langkah menstabilkan harga iaitu dengan mengawal penjualan sayur-sayuran mengikut keadaan pasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebuah bilik sejuk telahpun siap dibina di Tangkak dan sebuah lagi di Cameron Highland yang dijangka siap pada tahun ini. Keseluruhannya di bawah projek bilik sejuk ini, sebanyak 20 buah bilik sejuk dengan muatan 10 tan tiap-tiap satu akan didirikan di kawasan-kawasan luar bandar dan pekan-pekan kecil di negeri-negeri. Selain dari itu 5 buah bilik sejuk yang lebih besar muatannya iaitu 50 tan tiap-tiap satu akan didirikan di pusat-pusat pengedaran utama seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru, Kota Bharu dan Bukit Mertajam. Dari segi pemasaran pula, FAMA akan menyediakan kemudahan infrastruktur pasaran bagi hasil-hasil pertanian dengan mendirikan pusat-pusat pemasaran di mana di Tangkak Johor adalah merupakan satu daripada 20 kawasan pusat pasaran pertanian yang akan didirikan di seluruh negara. Kerajaan akan terus berusaha untuk membaiki infrastruktur dan lain-lain kemudahan yang perlu untuk meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian di negara kita ini.

#### **RTM—PERSEMBAHAN RANCANGAN TEMPATAN**

**22. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Penerangan menyatakan tindakan-tindakan yang diambil untuk mengadakan dan mempersembahkan rancangan-rancangan tanahair.

**Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat):** Soalan ini kurang jelas. Antara tindakan-tindakan yang diambil untuk menambahkan penerbitan rancangan-rancangan tempatan ialah:

- (a) Mengadakan skim latihan yang diatur dan intensif bagi Pegawai-pegawai penerbitan dan rancangan RTM termasuk latihan teknikal.
- (b) Menambahkan kemudahan kemudahan penerbitan serta alat kelengkapan yang terbaru terutamanya alat-alat kelengkapan TV Warna.
- (c) Penubuhan Pusat-pusat Penerbitan TV di peringkat kawasan supaya lebih banyak peluang diberi kepada artis-artis di luar Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching dalam rancangan-rancangan TV.
- (d) Mengadakan pertandingan-pertandingan untuk mengasah bakat terutamanya di kalangan artis-artis dan pencipta-pencipta.

#### **KEMALANGAN DI LANDASAN KERETAPI BANGSAR**

**23. Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk mengelakkan berlakunya kemalangan di landasan keretapi Bangsar yang telah menyebabkan seorang gadis mati baru-baru ini dan sama ada pagar khas atau jalan khas melintas akan didirikan di kawasan itu.

**Dr Goh Cheng Teik:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kemalangan-kemalangan yang berlaku di landasan-landasan keretapi adalah berpunca dari kecuaiian dan kelalaian orang awam sendiri. Pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sentiasa berusaha untuk menyedarkan orang awam khususnya yang tinggal berhampiran di landasan-landasan keretapi mengenai bahaya berjalan atau melintasi landasan keretapi. Amaran-amaran ini sering diumumkan menerusi siaran televisyen dan juga suratkhabar. Dialog-dialog dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu

telahpun diadakan dari semasa ke semasa dan meminta kerjasama mereka untuk menasihatkan penduduk-penduduk tersebut supaya mengelakkan perbuatan berjalan atau melintasi landasan-landasan keretapi. Selain dari itu, pemandu-pemandu "locomotive" juga telah diarahkan membunyikan wisel "locomotive" serta berhati-hati semasa menghampiri dan melalui kawasan-kawasan di mana terdapat ramai penduduk-penduduk berhampiran dengan landasan-landasan keretapi.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat sama ada pihak pentadbiran keretapi akan mengadakan pagar khas atau jalan khas di kawasan landasan keretapi Bangsar adalah dinyatakan bahawa pihak pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak bercadang untuk mengadakan pagar khas atau jalan khas di kawasan tersebut.

### KEBAKARAN DI KUALA LUMPUR

**24. Dato' Yap Peng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sebab-sebabnya kebakaran amat kerap berlaku di Kuala Lumpur dan apakah tindakan keselamatan bagi mencegah kebakaran baik pun di bangunan-bangunan tinggi atau di perkampungan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Dalam tahun 1980 kejadian kebakaran dalam Wilayah Persekutuan ialah 826 dan di antaranya 170 mengenai bangunan; 86 kenderaan; 37 dapur gas; 76 letrik; 409 tumbuhan-tumbuhan dan lain-lain 48.

Adapun punca-punca kebakaran itu yang banyaknya ialah kerana kecuaiian seperti membuang puntung rokok hidup 195; kebakaran semak-semak dan sampah sarap 182; litar pintas letrik 118; main bunga api 73; api terdedah seperti penggunaan lilin, pelita dan ubat nyamuk 48.

Langkah-langkah yang telah diambil atau dijalankan bagi mencegah kebakaran di antaranya ialah seperti berikut:

- (a) Memberi ceramah kepada pekerja-pekerja samada kilang atau pejabat, kanak-kanak sekolah,

pengawal keselamatan dan penghuni rumah pangsa mengenai pencegahan kebakaran dan disertai dengan pertunjukkan filem yang berkaitan dengannya. Dalam tahun 1980 seramai 4,507 orang telah menghadiri ceramah-ceramah itu.

- (b) Memeriksa alat-alat pemadam api yang tersedia dalam bangunan bagi menentukan ianya dalam keadaan baik. Dalam tahun 1980 lebih dari 16,000 alat telah diuji.
- (c) Memeriksa kedai-kedai atau tempat perniagaan bagi menentukan keselamatannya. Sebanyak 2,294 pemeriksaan telah dijalankan dalam tahun 1980.
- (d) Mengingatkan orang ramai dari masa ke semasa berkenaan bahaya kebakaran dengan melalui radio, TV, dan akhbar-akhbar.
- (e) Menggalakkan penduduk-penduduk perkampungan dan penghuni atau pekerja-pekerja di bangunan tinggi mahupun yang rendah seperti kilang-kilang menubuhkan unit pemadamnya sendiri. Setakat ini ada 20 buah unit sedemikian telah ditubuhkan di bangunan-bangunan tinggi dan di kilang-kilang.
- (f) Pasukan Bomba sendiri telah dilengkapi dengan alat-alat moden dan diberi tambahan anggota. Dalam tahun 1980, 3 buah kereta "aerial ladder" (bertangga tinggi) telah dibekalkan. Salah satu daripadanya boleh mencapai 45 meter (13 tingkat). Sebuah Kereta Penyelamat lengkap dengan alat-alatnya telah juga diadakan. Bilangan kakitangan Bomba Wilayah Persekutuan sekarang ialah 354 orang berbanding dengan 257 pada tahun yang lepas. Bilangan ini akan bertambah lagi kepada 398 apabila semua jawatan kosong dapat diisikan.

### HARGA SUSU

**25. Tuan Haji Ariffin Haji Salleh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kenaikan harga susu sekarang ini benar-benar wajar oleh kerana ia

menjadi rungutan sebahagian besar rakyat, terutama penduduk-penduduk miskin di luar bandar dan sama ada Kementerian ini mempunyai strategi tertentu dalam menghadapi tekanan-tekanan pihak pengeluar dan peniaga untuk menaikkan harga barangan keluaran mereka di masa-masa akan datang.

**Dato Lew Sip Hon:** Sebagaimana yang pernah saya jelaskan di Dewan ini, tekanan inflasi adalah merupakan suatu gejala yang tidak dapat dielakkan memandangkan negara kita bergantung kepada bekalan dari luar negeri beberapa barang perlu. Kenaikan harga susu pekat manis baru-baru ini adalah benar-benar wajar memandangkan kenaikan kos yang tidak dapat diserap oleh syarikat-syarikat pengeluar. Ini adalah akibat dari kenaikan harga 'Skim Milk Powder' dan 'Butterfat' yang diimpot, kenaikan harga gula, bahan pembungkusan serta lain-lain kos. Dengan itu kenaikan harga tidak dapat dielakkan.

Berhubung dengan strategi dalam menghadapi tekanan-tekanan pihak pengeluar dan peniaga untuk menaikkan harga, perlu saya tegaskan, di dalam menimbangkan permohonan-permohonan kenaikan harga, Kementerian saya bukan sahaja menitikberatkan sama ada kenaikan kos benar-benar telah berlaku dan juga kemungkinan kenaikan kos ini diserap oleh pengeluar-pengeluar, tetapi yang tidak kurang pentingnya memastikan bekalan adalah mencukupi.

Harus diingat bahawa kenaikan harga barang keluaran Malaysia seperti bijih timah, getah, kelapa sawit, koko dan balak memberi kesan yang sama kepada inflasi di negara lain.

## **BRUNEI—PERHUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN MALAYSIA**

**26. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan bahawa Brunei akan mencapai Kemerdekaan pada tahun 1983 sama ada Kerajaan bercadang untuk

menjalankan perhubungan diplomatik, jika ya, bila, jika tidak mengapa.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Sebagai jiran yang paling terdekat dengan Malaysia hubungan antara Malaysia dan Brunei adalah baik dan rapat. Ini adalah memandangkan bahawa Malaysia dan Brunei mempunyai banyak persamaan dan tali persaudaraan terutama daripada segi sejarah, ugama, kebudayaan dan sistem pentadbiran. Tidaklah menjadi soal lagi bahawa Malaysia akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Brunei apabila negara ini mencapai kemerdekaannya pada tahun 1983 nanti.

## **PEMBINAAN JALAN DI KAMPUNG PERLEMBAIAN**

**27. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah jalan di kampung Perlembaian di Sungai Pencala dapat disambung semula oleh kerana jalan itu sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk di situ.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Kerja-kerja pembinaan jalan di Kampung Perlembaian telah pun bermula dan dirancang untuk dilaksanakan di dalam 3 peringkat iaitu menebang pokok-pokok dan membersihkan tanah, menjalankan kerja tanah (earthwork) dan membina jalan dan sistem perparitan. Langkah melaksanakan projek ini di dalam 3 peringkat bertujuan untuk memberikan peluang kepada lebih ramai lagi pemborong-pemborong Bumiputera menyertai di dalam projek-projek Dewan Bandaraya.

Peringkat pertama dan kedua projek ini iaitu menebang pokok-pokok dan membersihkan tanah dan menjalankan kerja-kerja tanah (earthwork) telahpun selesai dilaksanakan. Dewan Bandaraya kini sedang mengambil tindakan untuk memanggil tender bagi melaksanakan kerja-kerja peringkat 3 projek tersebut iaitu membina jalan dan sistem perparitan. Oleh yang demikian, kerja-kerja pembinaan jalan di Kampung Perlembaian ini akan bermula sebaik sahaja tawaran diberikan, kepada pemborong yang berkenaan.

## PELABUHAN KUANTAN

**28. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa Pelabuhan Kuantan pecah sebelum ia dapat digunakan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Sebab-sebab dan masalah berhubung dengan kawasan Pelabuhan Kuantan adalah masih dikaji dengan telitinya oleh juruperunding yang dilantik oleh Kerajaan.

## PAKAR BEDAH JANTUNG

**29. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pakar-pakar bedah jantung di negara ini boleh menjalankan pembedahan jantung berlubang di negara ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jawapan kepada soalan yang seakan-akan sama telah saya berikan berhubung dengan penubuhan Pusat Jantung di negara ini bagi merawat pesakit jantung pada 17hb April, 1981. Pada setakat ini, saya tiada apa-apa tambahan kepada makluman yang telah diberikan itu.

## PELAJAR MALAYSIA TERKANDAS DI TORONTO, CANADA

**30. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pelajaran menyatakan siapa yang menyebabkan 150 orang pelajar kita terkandas di Toronto, Canada dan nyatakan tindakan yang akan diambil supaya kejadian seperti ini tidak berulang lagi.

**Dato Musa bin Hitam:** Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya bagi memastikan kejadian ini tidak berulang lagi adalah dengan mengawasi dengan lebih berhati-hati dan teliti bila mana rancangan penempatan pelajar-pelajar kita ke luar negeri dilaksanakan. Juga bagi memastikannya satu Jawatankuasa Penyelarasan di bawah Kementerian Pelajaran bagi menyelaraskan kerja-kerja penghantaran semua pelajar-pelajar ke seberang laut yang menerima biasiswa dari penganjur-penganjur. Jawatankuasa ini akan merangka strategi penempatan yang sesuai

dan juga mengkaji dari masa ke semasa dan membuat penilaian sama ada sesebuah institusi yang dicadangkan di seberang laut itu benar-benar sesuai, berkualiti dan mempunyai taraf yang baik. Melalui strategi penempatan ini, pelajar-pelajar dapat diselerakkan supaya tidak timbul kelompokan ramai pelajar-pelajar di satu-satu institusi pelajaran tinggi dan mengelakkan timbulnya gejala-gejala yang kurang sihat.

## DADAH—KEDUDUKAN MASALAH

**31. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan masalah dadah dalam negara ini sekarang dan nyatakan juga bilangan mengikut kaum, pengedar dadah dari Malaysia yang telah ditangkap di luar negeri dari tahun 1978 hingga sekarang.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Untuk makluman Yang Berhormat kedudukan mengenai masalah dadah dalam negara pada masa ini sungguhpun membimbangkan adalah terkawal. Kedudukan ini dapat digambarkan daripada perangkaan tangkapan ke atas mereka yang terlibat dengan kesalahan dadah di antara tahun 1975—1980. Seramai 31,399 orang telah ditangkap oleh pihak polis atas kesalahan dadah seperti berikut:

- (a) Dituduh di Bawah Seksyen 39 (B) Ordinan Dadah Merbahaya (Pengedar)—407 orang
- (b) Dituduh di Bawah Seksyen 39 (A) Ordinan Dadah Merbahaya (Penjual)—472 orang
- (c) Dituduh di Bawah lain-lain Seksyen Ordinan Dadah Merbahaya (penagih-penagih yang memiliki dadah)—30,520 orang

Di samping itu dalam tempoh masa yang sama pihak Jabatan Polis juga telah berjaya merampas sebanyak:

|                    |            |
|--------------------|------------|
| Candu masak .. ..  | 279.53 kg. |
| Candu mentah .. .. | 834.50 kg. |
| Heroin .. .. .     | 245.34 kg. |
| Morfin .. .. .     | 141.21 kg. |
| Ganja .. .. .      | 635.56 kg. |

Bilangan warganegara Malaysia yang ditangkap di luar negeri atas kesalahan dadah mengikut kaum sejak tahun 1978 adalah seperti berikut:

|           | 1978 | 1979 | 1980 |       |
|-----------|------|------|------|-------|
| Cina ..   | 327  | 119  | 100  |       |
| Melayu .. | 110  | 32   | 40   |       |
| India ..  | 53   | 13   | 22   |       |
| Jumlah .. | 490  | 164  | 162  | = 816 |

### PENGANGKUTAN KONTENA YANG BARU

**32. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa sama ada beliau akan membenarkan sebuah lagi syarikat pengangkutan kontena untuk menyediakan perkhidmatan tambahan dan saingan kepada Kontena Nasional yang pada masa ini merupakan sebuah sahaja syarikat sedemikian di dalam negara.

**Dr Goh Cheng Teik:** Kerajaan telahpun meluluskan sebuah lagi syarikat, Shapadu Holding Sdn. Bhd. untuk menjalankan perkhidmatan pengangkutan kontena, pada akhir tahun 1980.

### ELAUN SEWA RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN

**33. Tuan K. Kumaran** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberi elaun sewa rumah kepada semua kakitangan Kerajaan seperti yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan Superscale Tertinggi 'G' dan ke atas di bawah Skim Gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet dan jika ya, nyatakan bila akan dikuatkuasakan dan jumlah wang yang terlibat bagi sesuatu tahun.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Kerajaan tidak bercadang untuk membayar bantuan sewa rumah kepada semua kakitangan Kerajaan yang terkebahawah

daripada Tingkatan Tertinggi 'G' Kumpulan A. Perbelanjaan untuk membayar bantuan sewa rumah kepada semua kakitangan Kerajaan sangat besar. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat saya suka menjelaskan di sini bahawa Elaun Bantuan Sewa Rumah yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun itu adalah atas dasar pegawai Tingkatan Tertinggi 'G' ke atas dalam kumpulan A mempunyai kelayakan untuk menduduki Rumah Khas Jawatan ataupun Rumah Khas Jabatan menurut kelayakan yang ditentukan oleh Perintah Am. Hanya jika tiada rumah Kerajaan atau rumah yang disediakan atau disewakan oleh Kerajaan dan Badan Berkanun untuk mereka, maka Elaun Bantuan Sewa Rumah dibayar.

### PINJAMAN PENIAGA BUMIPUTRA KEPADA UDA/MARA

**34. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan peminjam dari UDA dan MARA yang usaha-niaganya masih cergas berjalan dan jenis usaha-niaganya.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Pertama sekali saya suka menyatakan bahawa bilangan peminjam perniagaan dari UDA yang usaha-niaganya masih cergas sehingga bulan Disember 1980 adalah seperti berikut:

| Jenis Pinjaman                         | Bilangan Projek (Bumiputra) |
|--|-----------------------------|
| (i) Pinjaman Ubah Suai ..              | 87                          |
| (ii) Pinjaman Alat-alat Kelengkapan .. | 3                           |
| (iii) Pinjaman Sewa Beli ..            | 113                         |
| (iv) Lain-lain Bantuan ..              | 1                           |
| JUMLAH ..                              | 204                         |

Jenis-jenis perniagaan yang dijalankan oleh peminjam-peminjam tersebut termasuklah perniagaan restoran, mini-market, klinik, perabut, alat-ganti, agensi pelancungan dan lain-lain lagi.

Bagi MARA sehingga bulan Disember, 1980, sejumlah 31,570 pinjaman telah dikeluarkan di mana perniagaannya masih cergas. Bidang perniagaan tersebut adalah

jenis pembuatan, pembinaan, perdagangan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan. Pecahan bilangan tersebut adalah seperti berikut:

|                               | <i>Pinjaman<br/>Biasa</i> | <i>Pinjaman<br/>Kecil</i> | <i>Rancangan<br/>Usahawan<br/>Baru</i> | <i>Jumlah</i> |
|-------------------------------|---------------------------|---------------------------|--|---------------|
| 1. Pembuatan .. .. .          | 2,355                     | —                         | 164                                    | 2,519         |
| 2. Pembinaan .. .. .          | 2,048                     | —                         | —                                      | 2,048         |
| 3. Perdagangan .. .. .        | 17,426                    | 6,400                     | —                                      | 23,826        |
| 4. Pengangkutan .. .. .       | 1,606                     | —                         | —                                      | 1,606         |
| 5. Perkhidmatan dan lain-lain | 1,374                     | —                         | 197                                    | 1,571         |
| <b>JUMLAH ..</b>              | <b>24,809</b>             | <b>6,400</b>              | <b>360</b>                             | <b>31,570</b> |

### LAPANGANTERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

**35. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab Lapanganterbang Kuala Lumpur sesak dengan manusia dan barang-barang diangkut dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan kelam kabut ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Kesesakan yang terdapat di lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur adalah disebabkan kerja-kerja memperbaiki sedang dijalankan. Projek pembesaran dan pemodenan lapanganterbang ini meliputi penyediaan kemudahan-kemudahan 'passenger loading bridges', sistem pengendalian baggage dan sistem penerangan penerbangan. Bangunan terminal yang masih dalam pembinaan akan dapat mengendalikan sejumlah 2,600 orang penumpang bagi satu-satu masa keadaan yang sibuk. Sejumlah \$176 juta telah diperuntukkan bagi projek ini dan dijangka siap pada penghujung tahun 1983.

Langkah-langkah sedang diambil bagi membina sebuah bangunan kargo seluas 150,000 kaki persegi yang akan dilengkapkan dengan Pejabat-pejabat Kastam, MAS dan Agensi-agensi Kargo Udara untuk mengatasi masalah kesesakan pengangkutan barang-barang di lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Rekabentuk bagi bangunan ini telahpun disiapkan dan tender dijangka akan dipanggil pada bulan Jun 1981 dan keseluruhan bangunan ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1983.

### NELAYAN-NELAYAN—RANCANGAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN

**36. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa ramaikah masyarakat nelayan yang terdapat di negara kita ini (termasuk Sabah dan Sarawak) dan apakah usaha dan rancangan-rancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan demi untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Sekarang terdapat 211,250 orang nelayan yang tinggal di 417 perkampungan di seluruh Semenanjung Sarawak dan Sabah. Untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka ini, Kerajaan telah dan akan terus mengadakan berbagai rancangan bertujuan meningkatkan keupayaan nelayan-nelayan ini menjalankan kegiatan mereka dengan lebih berkesan lagi. Rancangan-rancangan ini termasuklah mengadakan bantuan subsidi dalam bentuk bot unit baru, mengganti injin, pukat, peti ikan dan lain-lain alat menangkap ikan.

Selain daripada subsidi yang berkaitan dengan usaha menangkap ikan, nelayan-nelayan adalah juga diberi subsidi untuk membina sangkar-sangkar menternak ikan air-payau dan air-tawar seperti yang telah diadakan di Kuala Setiu, Langkawi dan Tasek Chenderuh. Kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti kompleks-kompleks perikanan, jeti-jeti, lampu-lampu pemandu, adalah juga disediakan untuk para nelayan. Di antara kompleks perikanan yang telah

dibina dan sedang dibina adalah di Kuala Kedah, Kuala Trengganu, Geting, Chendering, Kuala Sedili dan Besut, manakala jeti-jeti dan lampu-lampu pemandu adalah terdapat di hampir semua perkampungan nelayan di seluruh negara. Dengan adanya kemudahan infrastruktur ini maka segala hasil tangkapan nelayan akan dapat dikendalikan dengan lebih teratur dan licin lagi.

Di samping kemudahan-kemudahan fizikal yang diberi atau disediakan untuk kaum nelayan, Kerajaan juga tidak lupa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan kemudahan-kemudahan ini dapat diterima dan dikendalikan dengan baiknya oleh kaum nelayan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengatitkan beberapa kursus samada berasrama ataupun tidak berasrama untuk meningkatkan lagi pengetahuan asas para nelayan dalam bidang pengendalian injin, ilmu pelayaran, menternak ikan, membaiki pukut dan mengendalikan tangkapan-tangkapan. Kursus-kursus ini diadakan di pusat-pusat latihan perikanan laut di Glugor, Kuala Trengganu dan Kuala Setiu dan juga melalui bengkel bergerak yang melawat perkampungan nelayan di seluruh negara sepanjang tahun.

Menyedari bahawa mata pencarian kaum nelayan adalah besar bergantung kepada adanya sumber perikanan yang berterusan dan mencukupi maka Kerajaan telah mengadakan dasar pengurusan dan perlindungan yang tegas tetapi 'pragmatic' untuk mencegah kegiatan menangkap secara haram, kemasukan nelayan asing keperairan Malaysia dan tangkapan ikan yang berlebihan. Dasar ini adalah melibatkan penentuan kawasan-kawasan menangkap ikan untuk bot-bot tertentu, peralatan yang boleh digunakan serta pengawasan dan perondaan oleh pihak-pihak berkuasa di kawasan-kawasan menangkap ikan.

Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan tekanan ke atas perikanan laut pantai, Kerajaan juga mengambil langkah mengadakan rancangan penempatan semula

kaum nelayan ke projek-projek pembangunan. Projek penempatan di Kandis (Kelantan), Pulau Redang (Trengganu), Tanjung Dawai (Kedah), dan Sungai Chenaam (Pulau Pinang) adalah merupakan projek-projek penempatan bersama yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di projek-projek ini, Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk para nelayan untuk menambahkan pendapatan menerusi usaha tanaman dan menternak ikan. Bagi mereka yang dipilih untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA, FELCRA atau rancangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan juga mengadakan kursus-kursus orientasi untuk bakal peserta-peserta ini menyesuaikan diri mereka dengan keadaan baru yang akan ditempuhi mereka nanti.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979 dan 1980)

### Bacaan Kali Yang Kedua

3.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1979 sebanyak \$1,170,353 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1980 sebanyak \$338,395,952 dan kedua-dua Anggaran Tambahan ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut Perkara 101 Perlembagaan.

Terlebih dahulu, sukalah saya mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga, 1979. Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$1,170,353 bagi perkhidmatan tahun 1979, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Asal, 1979 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama dan Kedua, 1979.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1979 adalah berjumlah \$92,266,421 tetapi hanya sebanyak \$1,170,353 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$91,096,068 dari peruntukan tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu.

Tambahan sebanyak \$1,170,353 yang diperlukan ini adalah untuk membiayai perbelanjaan "Perkhidmatan dan Bekalan"

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia kerana peruntukan yang telah disediakan didapati tiada mencukupi. Keterangan lanjut mengenai tambahan ini adalah seperti yang dihuraikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 tahun 1981.

Dengan tambahan sebanyak \$1,170,353 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1979 ialah \$8,500,719,520. Jika dimasukkan anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,118,847,073, maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1979 ialah \$10,619,566,593.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1980. Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$338,395,952 bagi perkhidmatan tahun 1980 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Asal, 1980 dan Tambahan Pertama dan Kedua, 1980.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1980 adalah berjumlah \$342,410,895 tetapi sebanyak \$338,395,952 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$4,014,943 dari peruntukan tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu.

Sebahagian besar daripada tambahan ini iaitu sebanyak \$105.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 — Kementerian Perusahaan Awam. Dari jumlah ini, sebanyak \$102 juta diperlukan untuk membayar tunggakan kenaikan subsidi harga ke atas pembelian padi secara kupon dari \$2.00 sepikul kepada \$10.00 sepikul yang telah dikuatkuasakan mulai 16hb Julai, 1980. Selainnya, sebanyak \$3.7 juta adalah untuk membayar gaji dan elaun kakitangan MARA mengikut tanggagaji baru Jawatankuasa Kabinet dan lain-lain perbelanjaan mengurus di dalam Kementerian tersebut.

Lain-lain tambahan yang besar adalah dikehendaki di bawah Maksud-maksud berikut:

(i) *Maksud B.33 — Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun: \$71.1 juta*

Dari jumlah ini, sebanyak \$50 juta dikehendaki untuk membiayai Skim Bekalan Keluli Besi bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan sebanyak \$20.6 juta untuk membayar tuntutan-tuntutan di bawah "Akaun Setor dan Woksyp".

(ii) *Maksud B.61 — Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos: \$52.2 juta*

Dari jumlah tersebut, sebanyak \$50 juta adalah merupakan sumbangan Kerajaan kepada Lembaga Letrik Negara berikutan dengan kenaikan harga bahanapi dan sebanyak \$2.2 juta lagi adalah sebagai pemberian subsidi kepada Pelesen-pelesen Awam di Semenanjung Malaysia berikutan dengan kadar baru bayaran bekalan elektrik.

(iii) *Maksud B.32 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan: \$16 juta*

Peruntukan ini adalah diperlukan untuk membayar tuntutan gantirugi sebagai Penjamin ke atas pinjaman yang dibuat oleh Syarikat Gula Negeri Sembilan dan Syarikat Gula Padang Terap, Kedah.

(iv) *Maksud B.15 — Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan: \$15.1 juta*

Dari jumlah ini, sebanyak \$15 juta adalah merupakan bayaran tunggakan Caruman Bantuan Cukai kepada Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur bagi tempoh tahun 1957 hingga 1980.

(v) *Maksud B.24 — Kementerian Pertanian: \$10.7 juta*

Dari jumlah tersebut, sebanyak \$6 juta adalah untuk membiayai Projek Perdagangan Daging Majuternak dan bakinya sebanyak \$4.7 juta adalah untuk bayaran tambahan gaji serta elaun-elaun bagi kakitangan agensi-agensi Kementerian Pertanian mengikut tanggagaji baru Jawatankuasa Kabinet.

Yang lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan seperti yang diterangkan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1981.

Dengan tambahan sebanyak \$338,395,952 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1980 ialah \$9,789,030,348. Jika dimasukkan anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,373,019,449, maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1980 ialah \$12,162,049,797.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud tertentu" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Puan Hajjah Salmah.

3.48 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Akta Perbekalan Tambahan, saya kira tidaklah perlu banyak dibahaskan kerana tambahan-tambahan ini adalah keperluan bagi pembangunan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara di sini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1980, sebagaimana yang diminta dalam Kertas Perintah 2 Tahun 1981.

Pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.1 — Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar begitu banyak persoalan telah timbul mengenai apa yang dikesal sebagaimana dalam bahagian masalah pentadbiran Parlimen. Persoalan ini telah tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan dan juga saya percaya pihak Jabatan Perdana Menteri telah menerima memorandum dari pihak-pihak yang berkenaan. Pihak Jabatan Perdana Menteri pula, saya difahamkan, telah memberikan lampu hijau kepada Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen untuk bertindak dengan sewajarnya, dengan mengadakan Jawatankuasa Penyiasatan Khas. Saya berharap perkara ini akan dapat disegerakan dan diharap Pengerusi dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen akan bertindak dengan tegas dan berani bagi mengatasi hal-hal berkenaan.

Selain dari itu, suka saya menyentuh berkenaan kedudukan dan taraf Dewan Negara dari segi pentadbirannya. Saya dapati Dewan Negara ini seolah-olah tidak begitu penting dari segi pengiktirafannya sebagai sebuah Dewan yang lebih tinggi dari Dewan Rakyat. Sebagai contoh, saya dapati Pegawai dan kakitangan Dewan Negara ini bukanlah merupakan suatu Bahagian yang terpisah dari Dewan Rakyat, malahan yang amat menyedihkan Dewan Negara tidak mempunyai kakitangannya sendiri, kecuali seorang Setiausaha Dewan sahaja. Oleh yang demikian, demi untuk menjaga mutu, taraf dan kedudukan Dewan Negara dengan sebenar-benarnya maka Kerajaan patut menimbangankan untuk mengadakan pentadbiran yang berasingan bagi Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kemajuan patut juga mengikut contoh negara-negara yang maju yang benar-benar meletakkan taraf Dewan Negara sebagai sebuah Dewan yang tinggi dan bukan sebagai cap getah (rubber stamp). Selain dari mengadakan perkhidmatan yang berasingan, Kerajaan patut juga menjadikan Dewan Negara sebagai sebuah Dewan yang bebas dan benar-benar memberikan fikiran yang kedua kepada Kerajaan. Saya percaya jika pentadbiran Dewan Negara diasingkan daripada pentadbiran Dewan Rakyat, maka Dewan Negara ini insya Allah akan berkembang

dengan lebih maju dan cergas serta dapat memberikan berbagai perkhidmatan yang selesa, licin dan memuaskan dalam segenap bidang.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam hal Kepala B.1 ini juga di mana kita sama-sama telah faham mengenai permintaan kakitangan Parlimen dalam soal kemudahan dan elaun, Tuan Yang di-Pertua, patutlah ditambah memandang kerja-kerja mereka semakin bertambah juga kakitangan yang bekerja di Parlimen ini rasanya masih kurang dan tidak cukup, eloklah perkara ini diperhatikan oleh Jabatan yang berkenaan. Kita rasa terkilan kalau rungutan itu datang dari tempat kita sendiri seolah-olah kita ini sebagaimana dikatakan oleh pepatah Melayu: Kuman di seberang lautan nampak, gajah di pelupuk mata tidak nampak. Jadi sekian sahaja dalam Kepala B.1.

Sekarang saya pindah kepada Kepala B.46 dan 47 serba ringkas di mana berkenaan dengan satu perkara yang amat heboh diperkatakan hari ini oleh orang ramai yang menjadi topik kata-kata kerana telah mendapat satu publisiti yang berlebihan iaitu oleh Kementerian Penerangan ini, namanya indah iaitu "Malam Merak Kayangan". Nampaknya semua manusia yang ada pada Malam Merak Kayangan itu semua menjadi "merak" dan berada di dalam "kayangan" sehingga lupa diri, lupa maruah, lupa ugama. Kalau saya bercakap soal ugama nanti jangan pula Yang Berhormat Menteri "hot" lagi. Kerajaan mengeluarkan bantuan berpuluh ribu ringgit dan alat Kerajaan semua digunakan tetapi tidak memberi faedah langsung kepada negara ini bahkan memalukan negara, memalukan ugama, memalukan ibubapa sendiri bahkan mencabar pula kedudukan Islam sebagai ugama rasmi negara. Saya berharap peruntukan yang diberi kepada malam-malam artis pada masa yang akan datang hendaklah diperhitungkan, janganlah tidak ada perhitungan langsung, biarlah artis-artis itu mencari wang sendiri kerana mereka telah bertindak secara sendiri bagi memalukan negara ini.

Sekarang saya pindah kepada Kepala B.50 dalam masalah Jabatan Pemegang Harta. Saya kira eloklah Jabatan ini mengambil daya

utama bagi memajukan harta-harta yang bernilai tetapi terpendam, mengikut budi-bicara dan persesuaian bersama, tidak salah pada pandangan saya kalau harta yang terpendam itu dimajukan kerana harta itu boleh dimajukan. Saya agak harta-harta itu tentulah banyak tersimpan kerana telah lama terbiar. Eloklah dimajukan terutama kalau harta itu berupa seperti tanah wakaf, misalnya, di Pulau Pinang. Saya percaya di negeri lain juga banyak tanah wakaf yang luas dan ada yang sedikit kawasannya. Bagi memajukan tanah wakaf ini amat sedikit sekali yang telah diusahakan tetapi dalam perkara lain Kerajaan boleh mengadakan undang-undang. Kenapa dalam perkara ini Kerajaan tidak mengadakan undang-undang bagi memajukannya? Pengambilan-alih ada undang-undang, kenapa memajukan tanah wakaf tidak ada undang-undang? Tambahan pula sekarang ini tanah wakaf itu didapati terletak di kawasan strategik, di tengah-tengah bandar, ada peluang eloklah rebut peluang itu. Selain dari itu, saya dapat tahu bahawa tanah wakaf itu, misalnya, tanah wakaf Kapitan Keling yang terletak di tengah bandar Pulau Pinang. Akhirnya ada waris atau anak cucu cicit Kapitan Keling itu sedang berusaha untuk mengambil-alih tanah wakaf itu dari pentadbiran Jabatan Ugama Islam Pulau Pinang. Kalau sekiranya benar ada warisnya, kalau telah berpuas hati eloklah perkara ini difikirkan semula agar yang hak itu kembali kepada yang hak.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan saya tidak hendak berbahas panjang cuma sebagai mengakhiri sedikit lagi saya sentuh berkenaan B. 24—Kementerian Pertanian. Ini juga amat banyak kita bincangkan dalam masa soal jawab dan soalan tambahan. Tetapi saya ingin sentuh lagi dalam soal ini, kerana akhir-akhir ini telah terapar bahawa amat banyak tanah sawah tidak dapat dikerjakan kerana kemudahan persawahan tidak diambil berat. Maka dalam hal ini pegawai berkenaan ada yang tak faham dan tak sesuai dengan keadaan tempat dan selalu membuat rancangan sendiri, sedang praktikalnya tak sama dengan rancangan asal sehingga membuatkan rancangan banyak yang rugi dan telah tergendala. Maka berkenaan dengan rancangan penanaman sampingan di samping lain-lain tanaman asal

hendaklah benar-benar memberi pendapatan atau hasil sekurang-kurangnya sama dengan usaha dan modal. Bantuan kepada pekebun-pekebun kecil biarlah benar-benar memberi kesan, janganlah peruntukan baginya ada tetapi penyampaian peruntukan itu tidak sebagaimana sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mahu menyentuh banyak bahagian kerana banyak kali kita berbahas. Akhir sekali, saya ingin sedikit berpindah kepada Kepala B. 15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya harap kalau boleh rumah-rumah kos rendah dibina lebih banyak didirikan daripada rumah yang berharga mahal dan mewah kerana walaupun negara ini menghadapi zaman kemewahan di masa akan datang, tetapi perkembangan penduduk juga bertambah. Maka dalam Hal ini.....

**Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Husain:** Dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan hendaklah Ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada Kertas Perintah yang sebenar. Jadi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah dasar, jadi berlawanan dengan peraturan membahaskan Perbekalan Tambahan.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang saya hendak sebut Bekalan yang berkenaan itu. Jadi yang akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah rancangan yang saya sebutkan tadi, memang saya tahu dalam masalah Perbekalan Tambahan ini, maka itulah saya harap kepada pihak Kementerian berkenaan itu dapat mengambil perhatian dan dapatlah membuat perancangan yang sewajarnya dan yang sesuai supaya jangan lagi pergi kepada arahan yang tak sesuai lagi dengan rancangan Jabatannya. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rahmah.

4.00 ptg.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa panjang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980), tetapi ada perkara yang saya hendak

sebutkan yang saya rasa agak terkilan kerana di dalam ucapan Belanjawan tahun sudah saya tidak dapat mengutarakan perkara-perkara yang saya hendak sebutkan pada hari ini.

Perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah berkenaan Kepala B.1, Jadual Kedua peruntukan kepada tajuk Parlimen. Sungguhpun rakan saya tadi Ahli Yang Berhormat telahpun mengatakan yang tidak mahu menganggap Dewan ini sebagai rubber stamp, saya percaya semua Ahli-ahli Dewan ini tidak menganggap Dewan ini sebagai rubber stamp. Orang yang menganggap Dewan ini sebagai rubber stamp ialah orang yang tidak mempunyai harapan masa depan. Bagi saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, wujudnya Dewan Negara hari ini adalah bagi kita untuk melatih diri menjadi seorang pemimpin yang tahu akan tanggungjawab masa hadapan. Oleh itu, ingin saya tegaskan betapa mustahaknya Dewan Negara ini yang akan menentukan segala bentuk undang-undang di negara ini dan perlulah bagi kita memberi perhatian yang begitu serius kepada bangunan dan aktiviti yang dijalankan di dalam Parlimen ini sendiri.

Apa yang ingin saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah bangunan Parlimen ini sendiri, peruntukan yang sebegini banyak sebagai tambahan kepada perbelanjaan asal, saya ingin mengesyorkan supaya satu kajian dibuat untuk memperbaiki Dewan ataupun bangunan Parlimen. Kalau kita memandu kereta sendiri, tetapi kalau dibawa oleh driver tidak nampak, apabila masuk jalan ke Parlimen ini seolah-olah bangunan ini tidak ada orang yang menjaga, kita nampak rumput pun ada atas atap bangunan Parlimen dan bila masuk ke dalam Parlimen ini bocor pula. Saya difahamkan boleh dikatakan setiap hari lawatan daripada Wakil-wakil Rakyat luar negeri datang ke Parlimen ini termasuk Pembesar-pembesar Negara menemui Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, saya ingin mengingatkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab supaya perkara yang semacam ini iaitu Dewan ini sendiri dapat memperbaiki dengan peruntukan ini.

Satu lagi perkara ialah cuba kita lihat di dalam Dewan Parlimen ini mempunyai beberapa buah bilik mesyuarat, tetapi

malangnya bilik-bilik mesyuarat ini tidak dapat digunakan untuk mesyuarat-mesyuarat antarabangsa. Misalnya, ASEAN Parliamenterians Seminar yang diadakan baru-baru ini di Kuala Lumpur tidak dapat diadakan di tempat yang begini baik, biliknya besar boleh diisi lebih daripada 200 orang di bilik mesyuarat itu, tetapi malangnya perkakas di dalamnya tidak mencukupi dan bukan untuk persidangan antarabangsa ataupun mesyuarat-mesyuarat antarabangsa, malahan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa juga di dalam Parlimen tidak dapat diadakan dengan begitu baiknya.

Satu lagi perkara yang saya ingin membawa berkenaan dengan Tower Block, pejabat-pejabat kononnya tempat-tempat Ahli-ahli Parlimen. Ada bilik masing-masing di tempatkan di situ sehinggakan saya dapat tahu tingkat 9 itu kononnya berhantu pula kerana tidak ada orang duduk menggunakan tempat itu. Inilah perkara yang malang saya rasa yang patut kita mengambil perhatian.

Saya ingin mengesyorkan dengan adanya peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Kuala Lumpur ini memang senang bagi mereka untuk menyediakan bahan-bahan ucapan. Adanya pejabat-pejabat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat itu kenapa tidak diadakan kemudahan-kemudahan, misalnya, typing pool supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membuat ucapannya di dalam Dewan ini tidak menyusahkan typist-typist kita yang ada sekarang ini yang bertugas untuk perjalanan Dewan. Oleh sebab itu, kita dapat bahuwa Ahli-ahli Parlimen tidak dapat menggunakan pejabat yang disediakan untuk mereka itu kerana tidak ada kemudahan-kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Perpustakaan. Ahli-ahli Parlimen saya rasa sekarang ini terutama sekali yang hendak membincang atau hendak membahaskan berkenaan dengan undang-undang terpaksa membuat rujukan kepada Pejabat-pejabat Peguam Negara. Kita mempunyai sebuah Perpustakaan di dalam Parlimen, tetapi tidak cukup bahan-bahan rujukan khususnya berkenaan dengan undang-undang yang telah kita buat di dalam

Parlimen. Parlimen ini membuat undang-undang, tetapi apakala Ahli-ahli Yang Berhormat hendak membuat rujukan kepada undang-undang ini kita terpaksa pergi ke satu bangunan lain untuk mendapatkan kertas-kertas rujukan. Saya berharap pada pihak yang berkenaan supaya kemudahan-kemudahan ini dapat diadakan di dalam bangunan Parlimen. Kalau kita boleh adakan satu sekretariat yang lengkap kepada Parti Pembangkang, kenapa tidak kita adakan sekretariat yang cukup untuk Ahli-ahli Dewan kita sendiri.

Saya patut mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang ada sekarang di Dewan ini, mahupun kakitangan ini digunakan untuk Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat. Mereka bekerja bertungkus-lumus menyediakan dan alhamdulillah 2-3 bulan ini saya dapat lihat bahawa *Hansard* yang banyak ketinggalan pada masa sekarang ini sudah dapat, perbincangan yang semalam hari ini kita sudah dapat ini menunjukkan sudah ada perubahan. Tetapi saya berharap di masa-masa yang akan datang perkara-perkara ini atau tugas-tugas semacam ini ditentukan kepada pegawai-pegawainya supaya dapat pegawai itu menyalurkan kerja masing-

rakan-rakan saya di sini yang kaya-kaya itu boleh pergi sendiripun tidak apa, tetapi berilah peluang kepada orang-orang yang tidak dapat peluang hendak pergi.

Dalam perkara ini saya ingin mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan ataupun pihak yang berkenaan iaitu kita patut mengadakan satu mini archive; bukan Arkib Negara tetapi mini arkib. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, penuntut-penuntut yang ingin membuat kajian dalam perkembangan politik negara ini tidak dapat melihat dan bukan penuntut sahaja malahan di antara kita di dalam Dewan inipun tidak dapat hendak mendapatkan satu contoh, misalnya poster pilihanraya yang mula-mula kita pernah adakan dahulu. Sepatutnya sebagai satu tempat, satu Dewan, satu bangunan Parlimen di mana semua parti-parti yang ada di dalam negeri ini yang menang dalam pilihanraya, semua perkara-perkara ini patut ada satu tempat di dalam bangunan Parlimen ini supaya dapat untuk membuat rujukan senantiasia. Bukan dari segi perpustakaan sahaja tetapi dari segi arkib menyimpan benda-benda yang bersejarah yang berlaku dalam masa kedua-dua Dewan ini wind di

Satu lagi ialah berkenaan dengan Perkhidmatan Kaji-cuaca P. 59. Di dalam P. 59 ini peruntukan tahun 1980 yang diminta itu—Stesen Kaji-cuaca Pertanian peruntukannya \$508,000; Radar-radar Amaran Ribut \$3,778,753; Alat Penerimaan Data Satelit \$1,500,000 jumlah semua sekali \$5,786,753. Ini perkhidmatan cuacanya dan saya fikir ini bukan satu jumlah yang besar untuk melengkapkan kaji-cuaca dengan radar-radar yang memberi amaran ribut dan sebagainya itu \$5 juta bukannya satu perbelanjaan yang besar. Tetapi yang saya hendak sebutkan di sini perkara yang tidak memuaskan hati saya ialah amaran-amaran yang dibuat. Kita sekarang ini dengan menggunakan radar, dengan menggunakan komputer dan menggunakan alat-alat moden ini apa yang berlaku di bulan, orang boleh tahu di bumi ini, komputer boleh membuat perhitungan.

Apabila kapal angkasa lepas pergi ke bulan, apa yang berlaku, orang berjalan di bulan kita boleh tahu; bila dia hendak balik, hawa di bulan pun boleh tahu, temperature dia tinggi mana adakah dia sihat, adakah dia sakit;

memberi amaran katanya: “Bagi negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor Tenggara, ribut petir di sana sini dan hujan turun sekali sekala” (*Ketawa*). Ini suara yang berbunyi itu. Jadi cubalah fikir, bagi negeri Kelantan, Kelantan berapa batu perseginya? Bagi negeri Trengganu berapa luas pantainya, bagi negeri Pahang, negeri yang besar sekali di Semenanjung Malaysia dan Johor Tenggara. Johor itu ada dua—satu di Pantai Timur satu di Pantai Barat. Empat buah negeri, “Ribut petir di sana sini”. Jadi ini tidak payah diberitahu, semua orang tahu,—ribut petir di sana sini. Kalau tidak ada di negeri Trengganu, tentu ada di negeri Kelantan. Kalau tidak ada di negeri Kelantan, tentu ada di negeri Johor (*Ketawa*). Ini bukan kaji-cuaca namanya.

Saya tidak tahu, ini macam orang kita kata, cuma hendak melepaskan batuk di tangga sahaja, malu kita, saya cukup malu, kalau mendengar ini kadang-kadang saya tutup radio itu deras-deras tidak mahu dengar ini. Ini apa, mengarut punya cerita (*Ketawa*).

dibuat secara terperinci. Macam negeri Trengganu, katakanlah bagi negeri Trengganu di antara Besut dengan Kuala Trengganu yang jaraknya 60 batu maka ombak akan berlaku di antara 1—2½ kaki. Jadi fahamlah orang-orang Besut dan orang Kuala Trengganu ini, di sana akan berlaku ombak. Daripada Kuala Trengganu ke Kemaman akan berlaku di antara 2½—4 kaki. Jika sekiranya kaum nelayan itu turun juga dengan ada amaran yang semacam ini barulah kita kata mereka itu adalah bertanggungjawab sendiri, Kerajaan telah lepas tanggungjawabnya kerana Kerajaan telah memberi tahu.

Tetapi dengan keadaan sekarang ini, memberitahu semacam ini tanggungjawabnya bukan kepada kaum nelayan, bukan kepada kaum tani tetapi tanggungjawab itu di atas Pejabat Kajicuaca itu sendiri. Barangkali saya fikir, saya pun tidak tahu, boleh jadi kalau sekiranya ada nelayan-nelayan yang nakal itu apakala dia keluar dia tenggelam dia boleh dakwa Pejabat Kajicuaca yang tidak menetapkan dengan begitu rapi, dia boleh dakwa Kerajaan. Dengan sebab itu saya harap di masa akan datang dengan adanya alat-alat yang rapi semacam ini hendaklah Pejabat Kajicuaca membuat secara terperinci tentang hebahannya itu sama ada kedatangan ribut petir ataupun ombak dan begitu juga bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri di Pantai Barat.

Yang ketiga ialah berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, iaitu P.65—Lebuhraya Alor Setar/Changkat Jering \$16,500,000, Jalanraya Kuala Lumpur/Karak berharga \$171,404,613. Ini juga yang saya hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan kita telah membelanjakan berkenaan dengan jalan-jalanraya sama ada lebuhraya, jalanraya ataupun jalan-jalan di pedalaman dan sebagainya memang telah dibuat baru, yang lama dibaiki dan diperbaharukan mengikut kehendak masa dan saya cukup-cukup memuji langkah Kerajaan kita di atas ambil berat dalam perkara yang seumpama ini. Tetapi sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu dan membaca sendiri sekarang ini di antara negeri-negeri di dalam Malaysia ini adalah bertewas-tewas, berebut-rebut di

antara satu sama lain, mereka itu mahu menjayakan negeri masing-masing. Maka dengan sebab ini saya tak tahulah, saya bercakap ini barangkali betul atau tak betul—wallahualam, tetapi saya mesti bercakap di sini. Saya nampak negeri-negeri yang pandai mengambil hati pihak Kuala Lumpur ini dia dapat kemajuan, manakala negeri-negeri yang kurang pandai mengambil hati projek-projeknya tergendala. Jadi saya hairan pegawai-pegawai yang duduk di Pusat, pegawai-pegawai yang mentadbirkan Kerajaan di Pusat ini tidakkah boleh mereka memandang secara keseluruhan, tidak boleh memandangkan sesebuah negeri. Di dalam pertimbangan mestilah memandangkan Malaysia ini 100%.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Jadi dengan keadaan ini barulah perkara-perkara yang hendak ditadbirkan itu, jalan-jalan yang hendak dibuatkan itu barulah menyeluruh dan barulah mendapat kerjasama. Janganlah kita dengar satu negeri, saya tidak hendak sebut negeri itu, sebuah negeri dibuat baru sahaja jalan-rayanya berapa million ringgit, dibuatkan pula begini, dibuatkan begitu, jadi kita tengok negeri ini terlampau banyak mendapat peruntukan, tetapi satu negeri yang lain sangat kurang peruntukan, kalau adapun terkebelakang jauh. Jadi inilah perkara yang tak molek. Macam jalan-jalan yang dibelanjakan tadi, seumpama dibelanjakan Kuala Lumpur/Karak itu baguslah, walaupun \$171 juta boleh dibelanjakan kerana sebelum daripada dibaiki jalan ini adalah jalan yang terlampau berliku-liku, menyusahkan orang. Walaupun dia tidak begitu panjang, cuma dalam 30 batu sahaja, walaupun mengambil perbelanjaan \$171 juta tetapi sekarang ini jalannya molek. Tetapi maksud saya sekarang ini sedang diumumkan di sini, umpamanya, akan diadakan lebuhraya di antara Negeri Kedah memanjang sampai ke Johor, sudahlah jalan-jalan di Pantai Barat ini molek, Tuan Yang di-Pertua, memang daripada belum perang lagi molek, kemudian dibaiki lagi, ditambah lagi jalan, hendak dibuatkan pula lagi lebuhraya, tetapi apa hal negeri-negeri di Pantai Timur, tak adakah lebuhraya? Patutlah diadakan lebuhraya

daripada Johor sampai ke Kelantan, membawa ke Negeri Thai, sebagaimana juga jalan daripada Johor membawa ke Kedah dan ke Padang Besar. Inilah cara yang adil. Jadi orang yang takdirnya hendak pergi berjalan dia pilih sama ada melalui Lebuhraya Pantai Barat ataupun Lebuhraya Pantai Timur, terus sahaja. Kemudian di antara kedua-dua Lebuhraya ini dibuatlah jalan di tengah-tengahnya itu daripada Timur ke Barat, seumpama papan catur, itu yang semoleknya, tetapi apa yang dibuat sekarang tidak begitu. Kita dengar projek ini, projek itu, tetapi kalau kita buka di dalam peta didapati nampaknya tak kena apa yang dirancangkan itu. Perbelanjaan jalanraya ini adalah belanja yang besar, dengan sebab belanja yang besar sekali macam ini, apakala rancangan ataupun pelannya itu dibuat dengan begitu sahaja, dengan tidak berhati-hati atau tidak mengambil muslihat umum yang betul-betul, maka tentulah perkara ini tidak diresui oleh rakyat jelata sekalian kerana rakyat jelata yang akan melalui jalan-jalan ini.

Lagi satu perkara berkenaan dengan jalan-jalan di dalam bandar, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal-jawab di dalam Dewan ini minggu lepas saya telah bertanya kepada pihak Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam cara-cara membuat jalanraya, adakah dia akan ikut sistem yang ada sekarang ini ataupun ikut cara moden kerana di zaman sekarang ini bermacam-macam cara moden membuat jalanraya. Jawapan yang tegas pun kita tidak dapat. Yang sebenarnya hal membuat jalanraya ini patutlah pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam membaca cara-cara membuat jalanraya di seluruh dunia dengan tidak kira negara-negara itu apa corak pemerintahan mereka, sama ada komunis atau tak komunis itu tak kena-mengena dengan jalanraya, yang kita mahu ialah yang selisa sahaja. Saya telah membawa contoh jalanraya di dalam negeri Iraq yang sedang berperang dengan Iran sekarang ini. Jalanraya Iraq di Kota Baghdad berpuluh-puluh batu jauhnya, dia buat dua hala sahaja; satu sehala pergi dan sehalanya datang di sepanjang-panjang jalan. Dengan sebab dua hala yang dibuat ini; satu hala pergi ke utara dan satu hala ke selatan maka menyebabkan lalulintas tidak terhalang. Adapun orang-orang yang hendak

lalu di antara jalan itu dibuatlah jejambat, dikorek lubang di bawah dan sebagainya, jadi tidak terhalang langsung.

Baru-baru ini kita tengok di negara kita, lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur ini, hendak berjalan daripada sini ke Petaling Jaya sahaja berapa kali kita jem di tengah jalan itu, berjalan sedikit lampu isyarat merah kena berhenti; jalan sedikit ada bulatan pula, jadi kena beri orang itu jalan dahulu dan kita kena berhenti. Cara-cara yang macam ini ialah boleh dikatakan bandar-bandar cara lama, tetapi yang saya persoalkan ialah bandar-bandar banyak yang baru dibuka. Sekarang ini Kerajaan sudah membukakan bandar-bandar baru, lebih-lebih lagi di Pantai Timur seumpama di dalam KESEDAR di Kelantan, DARA di Pahang, KETENGAH di Trengganu dan KEJORA di Johor Tenggara. Di dalam pembukaan tanah-tanah ini Kerajaan membuka banyak bandar-bandar baru tetapi bandar-bandar baru yang dibuka ini masih bercorak cara lama juga, mereka itu mengikut fesyen atau cara-cara di Kuala Lumpur. Adalah menjadi satu kemegahan kalau sekiranya di dalam jalan pergi ke sini ada satu bulatan, bulatan kemegahan barangkali namanya, pada hal bulatan-bulatan seperti ini di negeri-negeri yang maju seperti di Amerika sudah ketinggalan zaman, saya tak sampai lagi ke sana, tetapi di negara "Cowboy" itu orang sudah buang bulatan-bulatan yang menyusahkan jalanraya-jalanraya itu. Saya berharap kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam di dalam membuatkan jalan-jalan yang seumpama ini hendaklah ditumpukan pandangannya itu bukan sahaja kepada negeri-negeri ataupun negara-negara di sebelah timur ini tetapi pandanglah di seluruh dunia mana yang memberi selesa, mana yang memberi kebaikan kepada kita itulah diikuti.

Yang keempat, yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh perkara B. 32—Perkhidmatan Perbendaharaan. Dalam masalah ini saya teringat baru ini saya baca dalam suratkhbar siaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu memberi amaran, di situ katanya ada sungutan ataupun rungutan daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sedang

berjawatan tetapi mereka meminta jawatan yang baru. Mengikut di dalam Perintah Am itu mestilah permohonan itu melalui Ketua Jabatannya tetapi ada Ketua-ketua Jabatan bukanlah kerana mereka sakit hati tetapi barangkali kerana mereka sayang kepada kakitangannya itu mereka tidak memanjangkan permohonan itu. Permohonan itu diperam sahaja di atas mejanya ataupun di dalam lacinya. Pihak JPA memberi amaran yang perkara ini menyalahi Perintah Am.

Saya juga berharap pihak Ketua-ketua Jabatan dalam menimbangkan perkara-perkara seumpama ini, janganlah menimbangkan muslihat dirinya sahaja, kenalah menimbangkan muslihat orang lain juga. Orang-orang yang di bawahnya itu memohon jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan yang disandangnya sekarang, kerana gajinya, barangkali lebih besar ataupun pangkatnya lebih sedikit, sebagaimana juga Ketua-ketua Jabatan itu bermati-matian memperjuangkan gajinya itu yang ada walaupun mereka berada di dalam Superscale, misalnya daripada Superscale G kepada Superscale yang lebih atas lagi, kalau boleh hingga ke Superscale A bagi pihak diri mereka sendiri. Jadi mengapa kepada orang-orang bawahnya ditahan surat-surat mereka itu tidak dihantar atau dipanjangkan.

Yang lebih dahsyat lagi saya dengar khabar, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kakitangan yang sudah mendapat jawatan baru di dalam sebuah jabatan misalnya jurutaip (typist). Gajinya habis setakat \$500. Ada jawatan kosong kerani, dia tentulah memohon kerana jawatan kerani ini gajinya sampai \$1000 takkanlah dia hendak mati sampai maksima \$500 sahaja. Tetapi apakala dia terima jawatan baru, gajinya diturunkan balik mengikut gaji permulaan jawatan baru kerani ini, rayu punya rayu, tidak berhasil juga. Saya tidak tahulah perkara yang semacam ini boleh berlaku tetapi perkara ini benar-benar ada berlaku. Saya berharap perkara-perkara yang semacam ini janganlah berlaku lagi di dalam mana-mana Jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan. Patutlah kita berikan tiap-tiap seorang itu haknya. Janganlah kita larang, janganlah kita tahan, janganlah kita galang, kerana perkara ini tidak menandatangani keadilan.

Oleh kerana seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan, saya banyak hendak bercakap sedangkan kawan-kawan saya banyak lagi hendak bercakap. Jadi saya ambil empat perkara ini sahajalah untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan. Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Hashim.

4.42 ptg.

**Tuan Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk memberikan pandangan dalam masalah menyokong atas Rang Undang-undang yang dikemukakan baru-baru tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dalam beberapa perkara yang tertentu, yang pertamanya ialah dari segi Jabatan Odit Negara. Saya fikir dalam masalah Jabatan Odit Negara yang mana wang Kerajaan untuk dibelanjakan dari segi pembangunan, perbelanjaan dari segi Kementerian-kementerian, perbelanjaan dari segi Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan sudah wajarlah dapat kita pastikan segala wang-wang yang telah diperuntukkan atau yang dibelanjakan mengikut lunas-lunas yang telah diwujudkan oleh Kerajaan kita di dalam Jabatan Odit Negara.

Saya percaya oleh sebab memandangkan beberapa laporan yang tertentu yang telah disampaikan kepada Jabatan Odit Negara ini memakan masa yang begitu panjang sampai 3-4 tahun baru dapat disahkan oleh Jabatan Odit Negara. Jadi saya harap supaya Kerajaan kita dapat memusatkan perkara ini supaya dapat kita memastikan segala-galanya dapat berjalan dengan baik dan segala pegawai-pegawai yang telah dipertanggungjawabkan dalam sesuatu Kementerian atau sesuatu jabatan mempunyai tanggungjawab yang sepenuhnya yang mana dia telah diberi tanggungjawab di dalam satu-satu jabatan ataupun Kementerian-kementerian itu.

Misal kata ada jabatan-jabatan yang tidak dapat dilaksanakan pengoditan itu memakan masa yang lama, ada ketua-ketua jabatan itu telah bertukar dari satu tempat ke satu tempat

yang sukar bagi mendapatkan penerangan-penerangan yang jelas untuk diberikan penjelasan yang tertentu dapat diatasi segala-gala yang telah diuruskan oleh pihak odit yang mana soalan-soalan akan ditimbulkan. Misal kata dalam masalah Kertas Statut 39/81 mengenai Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1978 di mana kita pastikan di dalam laporan ini bahawa masih ada lagi perkara-perkara yang belum selesai daripada surat akuan odit yang lalu yang tidak dinyatakan dengan tertentu dalam surat akuan ini bagi tahun 1977. Kalau hendak ditinjau satu-persatu dalam perkara ini, saya ada beberapa perkara yang telah dibentangkan oleh Ketua Odit Negara supaya Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ini dapat memastikan perkara-perkara yang dibuat dalam masalah-masalah aktiviti-aktiviti dalam tahun 1977.

Selain daripada itu saya merasa sangsi di dalam masalah pengesahan daripada Ketua Jabatan ataupun Pengerusi Perbadanan Pembangunan Bandar ini. Tandatangan Pengerusi, tidak tahu siapa hamba Allah ini. Adakah Mr. B, Puan atau Tuan ataupun siapa manusia yang menjadi Pengerusi Perbadanan Pembangunan Bandar ini. Dan juga Timbalan Pengerusi yang tercatat sebagaimana yang dikehendaki yang biasa kita pastikan bahawa ada sebagaimana yang telah ditandatangani oleh Ketua Odit Negara di bawah tandatangannya, Tan Sri Ahmad Noordin bin Haji Zakaria, Ketua Odit Negara. Tetapi di dalam masalah Perbadanan ini tidak ada langsung, siapakah Pengerusi dan Timbalan Pengerusinya. Ini juga hendak kita tahu. Dan banyak perkara-perkara yang telah dikeluarkan dengan begitu terang, dengan menimbulkan beberapa perbelanjaan yang banyak sekali dalam masalah Perbadanan yang saya sebutkan tadi.

Saya berharap supaya Kerajaan khususnya Kementerian ini mengambil peranan yang baru dengan adanya Pengerusi UDA yang baru ini, kita dapat memastikan beliau seorang daripada sahabat kita di sini yang telah dilantik sebagai Pengerusi UDA dan segala laporan-laporan dari Ketua Odit Negara ini dapat kita pastikan di masa yang akan datang apakah masalah-masalah yang telah dicatitkan oleh Ketua Odit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang saya katakan supaya Jabatan Odit ini diubahsuai kedudukan kakitangannya. Oleh sebab jabatan ini penting untuk memastikan kedudukan kewangan negara kita untuk membelanjakan dari segi pembangunan, dari segi pembangunan harian dan seterusnya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Maksud B.15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini, saya suka juga mengambil bahagian untuk memberikan pandangan yang ikhlas supaya Kementerian ini dapat memastikan bukan sahaja bantuan-bantuan kepada kampung-kampung baru diperuntukkan dengan seluas-luasnya dengan sebegitu besar peruntukan bahkan sudah sewajarnya juga peruntukan-peruntukan yang sama diperuntukkan kepada kampung-kampung baru yang melarat sejak kemerdekaan negara kita ini. Oleh sebab kita memastikan kampung-kampung baru ini telah diberikan peruntukan yang sebegitu lumayan, Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya dipusatkan di situ dan ini menjadi soalan kepada kampung-kampung yang berhampiran dengan kampung-kampung baru yang disebutkan itu. Saya berharap pihak Kementerian dapat menitikberatkan supaya peruntukan yang sama juga dapat dititikberatkan kepada kampung-kampung di seluruh negara kita ini yang tidak sebegitu baik keadaannya sebagaimana kampung-kampung baru yang telah diberikan peruntukan khas untuk membangunkan kampung-kampung baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memberikan sedikit pandangan dalam masalah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian ini wujud kerana kebudayaan, belia dan sukan dan khususnya bagi belia-belia di mana kita dapat pastikan bahawa negara kita sebilangan besar adalah terdiri daripada belia dan beliawanis. Mereka ini sudah sepatutnya diberi bimbingan tertentu walaupun bimbingan yang telah diberikan oleh pihak Kementerian ini, saya pastikan masih lagi diperlukan supaya mereka ini menjadi rakyat yang bertanggungjawab di masa depan negara kita ini. Mereka inilah juga akan menjadi pemimpin-pemimpin

negara dan mereka ini juga akan menjadi pemimpin-pemimpin dari segi pentadbiran dan juga sukan di dalam negara kita ini sudah sewajarnya Kementerian ini memusatkan dan memastikan sejauh manakah perkara-perkara yang telah disusun oleh Kementerian ini membuahkan sesuatu daripada satu peringkat ke satu peringkat, daripada satu masa ke satu masa apakah prestasi yang telah didapati kalau kita hendak ukurkan dari semasa ke semasa dalam masalah kerja-kerja ataupun yang telah ditanggungjawabkan di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini khususnya kepada belia dan beliawanis dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian Pelajaran, saya suka minta dengan ikhlasnya supaya pihak Kementerian Pelajaran ini supaya memikirkan dalam masalah penuntut-penuntut kita yang telah bersekolah selama 11 tahun untuk mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan masalah yang saya hendak sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah-masalah pelajar-pelajar kita yang dapat Pangkat III. Bagi mereka yang mendapat Pangkat II tidak mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka tetapi mereka yang mendapat Pangkat III ini tergolong besar daripadanya adalah terdiri daripada belia-belie dan beliawanis yang kalau kita tidak mengambil perhatian yang serius mereka ini adalah belia-belie yang telah diasuh selama 11 tahun di bangku sekolah dan bila mereka sudah ke tahap yang sebegitu rupa nasib mereka kurang baik dan dapatlah mereka Pangkat III dan mereka ini tidak tahu hendak ke mana, ke mana mereka hendak dihalakan. Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan atau Kementerian Pelajaran ini mengadakan satu institusi yang tertentu untuk ditempatkan mereka ini supaya dapat mempertingkatkan lagi atau cara mana yang difikirkan sesuai supaya mereka ini tidak menjadi manusia yang tidak berguna di masa-masa yang akan datang. Sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalahnya mereka telah terpelajar bila mereka hendak mendapatkan sesuatu tentulah mereka ini hendak memastikan kedudukan mereka sekarang. Jadi oleh sebab nasib mereka kurang baik yang mereka ini tidak dapat diberikan layanan yang

sepenuhnya maka mereka ini juga akan menjadi manusia tidak berguna yang tidak ketentuan hala di masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pra sekolah, masalah TADIKAs. Ini semua adalah penting bagi pihak Kementerian Pelajaran untuk memastikan bahawa anak-anak ini akan diasuh dari segi peringkat bawahan sampai ke peringkat atas dan seterusnya. Apa yang kita pastikan sekarang ialah banyak kelas-kelas TADIKAs yang telah dianjurkan oleh pihak swasta ataupun Kementerian Pertanian ataupun KEMAS yang mana kita mendengar bahawa guru-guru mereka diberi asuhan yang tertentu, tetapi apakah caranya penentuan yang sebenarnya disalurkan oleh Kementerian Pelajaran yang mana mereka akan melibatkan diri dengan persekolahan penuh supaya mereka ini tidak menjadi masalah yang suatu ketika mereka ini disalah ertikan dalam kelas-kelas TADIKAs yang dianjurkan oleh pihak-pihak swasta. Saya percaya perkara-perkara ini dapat diatasi kalau pihak Kementerian Pelajaran menitikberatkan untuk mengadakan satu kekhususan dalam masalah pra sekolah ini atau kelas-kelas TADIKAs sama ada yang dianjurkan oleh Kementerian-kementerian ataupun pihak-pihak swasta. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dalam masalah Kementerian Perusahaan Awam yang mana telah diuntukkan sebanyak \$105,690,124 ini adalah satu peruntukan yang tertinggi sekali di antara peruntukan-peruntukan dalam senarai yang telah diberikan kepada kita untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah UDA inilah yang saya suka menitikberatkan walaupun perancangan-perancangan yang telah dibuat pada masa lalu tidak memuaskan tetapi dengan adanya Pengerusi yang baru ini kita berharap supaya UDA dapat memesatkan di segi pembangunan sebagaimana yang telah dirancangan oleh Kementerian Perusahaan Awam dalam masalah kewujudan UDA ini. Saya berpendapat perkara-perkara ini dapat diberikan perhatian yang serius sekali supaya bukan sahaja di bandar-bandar besar dibangunkan bahkan bandar-bandar kecil dan

boleh juga UDA memainkan peranannya dalam usahasama dengan tanah-tanah bumiputra yang ada di hutan-hutan untuk dimajukan, untuk dipastikan tanah-tanah bumiputra ini tidak lepas tangan. Dengan adanya usaha-usaha UDA ini rasa saya dapat kita hindarkan di segi tanah orang bumiputra ini terlepas pergi ke tangan orang lain dan saya percaya UDA akan bergerak lebih maju lagi daripada masa-masa yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit sahaja lagi dalam masalah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Kementerian ini rasa saya penting sekali bukan sahaja kepada Kerajaan bahkan keseluruhan rakyat khususnya kepada rakyat di luar bandar memerlukan tenaga elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya hendak menekankan ialah masalah tanah-tanah yang dilalui oleh talian Lembaga Letrik Negara. Misalnya tanah sawah, tanah kampung dan sebagainya tidak ada pampasan yang tertentu di mana talian itu ditempatkan, hanya mereka ini membayar dalam pampasan dari segi perumahan yang terlibat di dalam talian yang dilakukan oleh Lembaga Letrik Negara ini, yang lain tidak ada. Dalam masalah tanah tidak ada, masalah tanah difikirkan telah dibenarkan untuk talian itu dilakukan. Kalau tidak silap saya serantai iaitu 66 kaki sebelah menyebelah, jadi telah memakan banyak tanah khususnya melibatkan tanah-tanah orang Melayu yang mempunyai seekar, setengah ekar yang mana tidak dapat dipergunakan langsung. Ini saya berpendapat patut difikirkan untuk memberikan pampasan ataupun imbuhan kerana dari segi Lembaga Letrik tidak memberikan elektrik ini dengan percuma, semuanya dibayar bahkan hari ini hendak masuk rumah diperlukan \$200. Kalau tidak \$200 talian itu tidak akan dipasang. Jadi bagaimana yang dikatakan hendak menolong orang-orang bumiputra, orang kampung yang memerlukan tenaga elektrik di rumah-rumah mereka, mereka hendak masuk lampu \$200 untuk menyambungkan talian daripada tiang, begitu juga ke rumah-rumah pemohon-pemohon yang tertentu. Dalam masalah ini, saya suka menekankan supaya tanah-tanah yang tidak dapat digunakan langsung oleh sebab dengan talian elektrik itu perlu diberikan sedikit ganjaran yang tertentu.

Ada setengah-setengah tempat harus tanah-tanah mereka ini sebelah menyebelah telah dimajukan bagi projek perumahan dan projek-projek yang tertentu di mana mereka mempunyai tanah-tanah yang tertentu yang tidak kena dengan talian elektrik ini dapatlah mereka memajukan tanah mereka. Mereka yang tidak bernasib baik ini tidak dapat satu sen pun daripada Lembaga Letrik Negara hanya yang diberi pokok-pokok kekal seperti pokok kelapa, pokok durian dan pokok-pokok yang mendatangkan hasil mengikut tafsiran mereka supaya dapat diberikan sedikit sebanyak. Jadi dalam masalah talian elektrik yang lalu di atas-atas tanah-tanah ini tidak diberikan langsung dan cukai tanah pun dibayar oleh pihak tuan punya tanah. Apa yang saya menekankan ini ialah masalah nilai harga tanah hari ini telah meningkat begitu tinggi dan mereka tidak dapat menggunakan tanah dan mereka ini tidak dapat berbuat apa-apa dan mereka ini rugi terus menerus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian Kebajikan Am ini saya berharap supaya pegawai-pegawai yang tertentu yang telah dijawatkan di Jabatan-jabatan Negeri, Jabatan-jabatan Daerah supaya memainkan peranan yang bertanggungjawab, jangan pilih bulu supaya perkara-perkara yang tertentu yang bila mana dirayu, diminta, dipohon oleh pihak-pihak orang-orang yang difikirkan sesuai untuk diberikan peluang, membantu orang-orang yang hendak mendapatkan bantuan tetapi bila disiasat dan diperiksa tidak dapat diberikan pertimbangan sebagaimana yang patut diberi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Perbendaharaan. Perbendaharaan ini penting kerana masalah peruntukan-peruntukan dari segi pembangunan Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri supaya penyampaian itu jangan banyak persoalan, memakan masa yang panjang, bila mana satu-satu projek atau perkara yang tidak ditentukan seperti projek Rancangan Malaysia Keempat lebih kurang \$42,000 juta akan diperuntukkan, sejauh mana yang dapat dibelanjakan, akhirnya beribu-ribu juta ringgit akan masih lagi berbaki. Ini disebabkan oleh setengah-setengah pihak tertentu yang bertanggungjawab untuk meneliti mengambil

masa agak panjang sedikit walaupun masa yang diperlukan kadang-kadang tidak wajar sebab dari pihak Kementerian, dari pihak Kerajaan ada pegawai-pegawai kita memastikan bahawa apakah peruntukan-peruntukan yang diperlukan untuk memajukan perkara-perkara yang tertentu yang telah diminta oleh Kementerian-kementerian yang berkaitan ataupun Jabatan-jabatan yang berkenaan dengan persetujuan Ketua-ketua Jabatan yang telah dipertanggungjawabkan. Kalau mereka ini hendak mengambil masa dan kita pastikan masalah ini memang memakan masa, dalam Rancangan Malaysia Keempat, Rancangan Malaysia Ketiga tidak dapat keseluruhannya lima tahun betul-betul, hanya kita dapat dalam tiga atau tiga setengah tahun dapat kita mengembelingkan segala peruntukan yang ada.

Misal kata kita berikan satu peruntukan pada tiap-tiap tahun bahkan sampai bulan Jun pun nasib baik, baru wang-wang yang diuntukkan baru disalurkan kepada agensi-agensi Kerajaan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Jabatan-jabatan/Kementerian-kementerian yang berkenaan. Ini perlu diambil kira, ini perlu kita memastikan bahawa dengan adanya kelewatan itu akan menimbulkan dalam masalah pembangunan perancangan Kerajaan yang telah kita buat, kita tentukan untuk kepentingan negara kita dan generasi kita yang akan datang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dalam masalah pegawai-pegawai Kerajaan kita. Saya telah menyatakan bahawa bukan semua pegawai Kerajaan yang tidak bertanggungjawab tetapi ada setengah-setengahnya yang tidak bertanggungjawab langsung dan kita berharap supaya Kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab memainkan peranan yang tertentu supaya mereka ini dihindarkan. Kita tidak berkehendakkan pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab. Kita berkehendakkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kerana mereka inilah yang kita harapkan, walaupun perkara-perkara yang tertentu yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk kepentingan rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan inilah yang kita harapkan supaya mereka ini

mengembelingkan tenaga mereka dengan sepenuh ertikata yang sebenarnya sebagai orang-orang yang bertanggungjawab. Bagi pihak kita orang politik sudah tentulah kita menentukan dalam masalah politik negara kita tetapi bagi masalah untuk membangunkan negara kita ialah tugas pegawai-pegawai Kerajaan, merekalah the second men yang bertanggungjawab untuk menentukan segala perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan kita dari semasa ke semasa. Dan bagi pihak Kerajaan hendaklah memastikan jangan pula ada setengah-setengah pegawai Kerajaan yang mempunyai peranan yang tertentu iaitu hendak mengampu ke sana ke mari, apabila Menteri datang, sibuk dan sebagainya. Lepas itu, habis cerita. Kalau kita pergi ke satu-satu jabatan tertentu, tengoklah special, tak dapat dipikatakan, semua beres. Selepas itu, habis balik Menteri, habislah cerita itu.

Kita tidak berkehendakkan perkara seumpama ini. Kita berkehendakkan setiap masa sama ada Menteri datang atau tidak, tanggungjawab mereka sentiasa teratur supaya rakyat jelata dapat memastikan bahawa Kerajaan kita bertanggungjawab dengan sepenuhnya, bertanggungjawab dari segi kenegaraan kita yang kita cintai, bertanggungjawab untuk membangunkan negara kita, bertanggungjawab untuk jenerasi kita yang akan datang.

Akhirnya, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini. Sekian, terima kasih.

*5.12 ptg.*

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyokong usul Akta Perbekalan Tambahan, 1981. Di samping itu saya ada dua tiga perkara yang suka saya sentuh berkaitan dengan Perbendaharaan dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap persidangan Dewan yang mulia ini Akta-akta Perbekalan Tambahan dibentangkan dengan penuh peruntukan-peruntukan yang tidak mencukupi sama ada peruntukan-peruntukan

ini benar-benar tidak mencukupi oleh kerana perbelanjaan luar jangka yang mesti dibayar telah timbul di masa menjelang hujung tahun ataupun kerana anggaran belanjawan tidak diselidiki sepenuhnya sebelum dibentangkan di Dewan yang mulia ini, patutlah diambil perhatian oleh Kerajaan.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya lihat peruntukan yang diberi di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) sebanyak \$125 juta sahaja untuk tempoh 5 tahun maka dengan pastinya saya berpendapat peruntukan ini tidak mencukupi. Kerajaan menggalakkan penubuhan industri-industri berat untuk mengukuhkan pembangunan perindustrian negara. Bagi membantu perkembangan industri-industri berat ini, HICOM telah ditubuhkan untuk memula melaksanakan dan menguruskan industri-industri yang menggunakan modal yang banyak. HICOM juga akan melaksanakan projek-projek secara usaha sama. Projek-projek ini akan memerlukan pelaburan permulaan yang besar dan mempunyai tempoh yang lama sebelum mendapat apa-apa keuntungan tetapi dalam tempoh 5 tahun Rancangan Malaysia Keempat, HICOM cuma diberi sebanyak \$125 juta sahaja. Ini pada pendapat saya tidaklah mencukupi. Dalam satu projek usaha sama simen di Kedah, HICOM melabur sebanyak \$75 juta. Malah Kerajaan telah menentukan projek-projek untuk usaha sama HICOM seperti projek bijih besi serta keluli dan logam-logam bukan besi, pembuatan jentera dan kelengkapan, kejuruteraan am, kelengkapan pengangkutan, bahan-bahan binaan, kertas dan barang-barang kertas serta petro-kimia. Mengendalikan projek-projek tersebut dengan grant cuma \$125 juta adalah seperti setitik embun di hujung rumput.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan grant ini dikaji balik dan peruntukkan yang menasabah patutlah diberi supaya HICOM dapat bergerak dengan cekap dan dinamis.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Jabatan Perdana Menteri—B.8. Susah hendak dianggarkan sebanyak mana peruntukan tambahan bagi pembayaran gaji kakitangan Perkhidmatan Awam berikutan

dengan Gerakan Isi Penuh. Gerakan Isi Penuh ini adakah dihadkan kepada pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam Persekutuan sahaja ataupun Perkhidmatan Awam di peringkat Negeri-negeri juga akan dikaji dan jika perlu, diisi-penuhkan. Perkara ini saya soalkan oleh kerana satu sebab yang saya anggap penting sekali untuk membasmi kemiskinan yang begitu tinggi di Negeri-negeri yang kurang maju di negara kita ini adalah disebabkan oleh kekurangan tenaga manusia yang cukup dan cekap lagi mahir di peringkat Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Banyak perkara yang menyebabkan Negeri-negeri ini menjadi kurang maju dan Kerajaan patutlah mengatasi atau “come to grips”, dengan semua masalah sedemikian. Selain daripada meningkatkan lagi kemudahan asas di Negeri-negeri ini, perkara-perkara yang menentukan dengan tepat dalam masalah pembangunan di Negeri-negeri ini adalah kekurangan tenaga manusia yang cekap dan kekurangan perdagangan dan perindustrian.

Sistem perasingan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri-negeri ini dengan Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah satu perkara yang besar merumitkan pembangunan di Negeri-negeri ini. Pegawai-pegawai yang cekap di Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan tidak dapat dikerah ataupun dimobilise untuk membangunkan satu-satu projek atau rancangan ekonomi di Negeri-negeri ini. Pergerakan antara (interaction) di antara Pegawai-pegawai Negeri dengan Pegawai-pegawai Persekutuan tidaklah begitu erat dan Pegawai-pegawai Negeri sentiasa irihati dengan ukuran kemahiran di antara Pegawai-pegawai Negeri dengan Pegawai-pegawai Persekutuan. Sikap isolasi dan sentimen begini, Tuan Yang di-Pertua, tidak langsung memberi menfaat kepada negeri-negeri yang mundur dari segi pembangunan malah sikap begini akan mengecewakan usaha pembangunan dan merugikan rakyat negeri-negeri ini.

Kejayaan Rancangan Malaysia Keempat terdiri daripada jaya jeleket atau cohesive force dari pegawai-pegawai perlaksanaan. Perasaan irihati, tarik tali dan jual mahal mestilah dibasmi. Jika negeri-negeri yang kurang maju menentukan objektif

perhujungan matlamat pembangunan tentu dapat dicapai dengan cara berat sama dipikul, ringan sama dijinjing di antara semua sektor jawatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik semula kepada peruntukan Perbendaharaan. Bila satu kajian perindustrian atau perniagaan dibuat di negeri-negeri Kelantan dan Trengganu keputusan didapati yang industri dan niaga itu merugikan usahawan ataupun peniaga. Kerugian ini adalah disebabkan oleh kos pengangkutan yang begitu tinggi jika dibandingkan dengan industri-industri di Pantai Barat yang berdekatan dengan pasaran dan pelabuhan. Locational insentif atau galakan tempat duduk yang diberi oleh Kerajaan untuk pengusaha-pengusaha di negeri-negeri ini tidaklah begitu menarik. Galakan tempoh masa yang mana untung tidak dikenakan cukai tidaklah berguna jika sesebuah syarikat tidak mendapat apa-apa keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk menarik pemodal dan usahawan ke negeri-negeri yang mundur dalam perkembangan ekonomi mereka, Kerajaan Persekutuan hendaklah mengkaji pemberian galakan-galakan pengecualian cukai-cukai pengangkutan seperti pengecualian cukai jalanraya, pengecualian cukai impot atau eksais yang dikenakan di atas lori-lori yang digunakan di negeri-negeri itu dan pengecualian cukai minyak disel yang digunakan untuk mengangkut barang-barang dari atau ke negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan lain-lain negeri yang lambat membangun.

Juga saya cadangkan seperti dibuat di Jerman Barat, pengusaha-pengusaha yang hendak membesarkan faktori-faktori mereka diperintah membuat faktori-faktori tambahan itu di wilayah-wilayah negara yang kurang maju ekonominya.

5.24 ptg.

**Dato Haji Ismail bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dibentangkan di Dewan sebentar tadi.

Saya akan menyentuh satu dua perkara iaitu Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain Jabatan serta Kementerian yang ada berkenaan dengan perkara-perkara yang saya sebut di dalam Dewan ini.

Pertama sekali kita tahu iaitu ringgit Malaysia ini bermillion-million pergi ke seberang laut iaitu ke Singapura. Mahu tidak mahu cara langsung atau tidak secara langsung dengan sebab ada penarikan daripada sebelah seberang laut, jadi penduduk-penduduk, pengguna-pengguna, pembeli-pembeli yang kecil-kecilan daripada Kuala Lumpur hingga ke Johor Bahru boleh dikatakan sebilang hari dengan menaiki bas-bas dan lain-lain kenderaan membawa wang ringgit mereka mencurahkan di Singapura. Saya fikir apa yang dapat dipungut balik dengan jalan cukai yang dibawa oleh mereka itu ke Johor Bahru, banyak kurangnya daripada yang pergi keluar dari Johor. Jadi Jabatan Perdana Menteri hendaklah memikirkan dan membuat sesuatu untuk mencari jalan supaya ringgit Malaysia kita ini tidaklah pergi dengan cara begitu. Orang Malaysia tidak payah pergi ke Singapura begitu jauh bahkan pergi ke seberang sahaja iaitu ke Woodlands pun sudah cukup, kerana barang yang dijual di situ sama sahaja harganya dengan barang yang di jual di bandar Singapura.

Untuk menyelamatkan wang ringgit kita yang pergi begini, saya berpendapat dan suka mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya mengambil satu langkah iaitu mengadakan satu kawasan free tax di adakan di Johor Bahru iaitu lebih kurang 10 batu ke Johor Bahru. Ini membolehkan pengguna-pengguna yang datang dari Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat dan lain-lain berhenti di situ tidaklah sampai ke Singapura kalau barang yang ada di Singapura itu ada dijual di kawasan free tax ini. Saya tahu Free Trade Zone sudah ada, tetapi free tax belum ada.

Kita sudah ada pelabuhan iaitu Pelabuhan Pasir Gudang yang patut kita gunakan untuk membawa dagangan daripada luar negeri masuk ke dalam negeri kita dengan tidak payah melalui Singapura, Singapura juga ada mengimpot barang-barang yang tidak ada dibuat di dalam Singapura. Hari ini barang-barang yang dijual di Singapura kalau

dibandingkan selepas dibayar cukai di Johor Bahru masih lagi murah kalau di Singapura \$2, di Kuala Lumpur ini sudah tentu \$6. Jadi apa yang berlaku pada hari ini ialah pengguna-pengguna khususnya wanita-wanita kita yang tidak puas-puas pergi, saya tidak mengatakan orang Kuala Lumpur ini jauh sedikit, tetapi orang Johor Bahru sendiripun dengan adanya tarikan, dengan adanya barang-barang bukan sahaja hendak melawat atau tengok Singapura tetapi dengan adanya tarikan, barangnya murah, mutunya baik, dengan sebab itulah pengguna-pengguna ini pergi membeli-belah di bandar itu.

Untuk menyelamatkan wang ringgit kita ini mencurah-curah pergi ke sana, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan memikirkan satu cara atau mengambil satu-satu tindakan, bukan hendak menyekat semua sekali bahkan memberi peluang kepada pengguna-pengguna yang datang dari ceruk rantau selain dari Bandar Johor Bahru bahkan orang Johor Bahru sendiri supaya membeli barang-barang apa yang dapat di Singapura dengan cara murah.

Saya fikir adalah tidak kena pada tempatnya kalau Kastam hari ini menjalankan kerjanya 100% mengambil cukai, memungut cukai pada masa mereka ini membawa balik barang dari Singapura, ini pun akan mengurangkan wang kita pergi ke Singapura. Tetapi nanti marah kaum ibu, saya cuba hendak menahan mereka hendak membeli barang yang murah, tetapi apa yang dibincangkan di sini ialah untuk mempertahankan wang ringgit kita ini jangan pergi ke sana, Ringgit kita sudahlah murah dan pergi pula secara macam ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sukan adalah satu perkara yang hari ini sangat menarik dan mendatangkan imej yang baik dan memberi perhubungan yang begitu baik di antara kita dengan negeri lain yang mengambil bahagian dalam sukan-sukan. Ini juga Kementerian yang berkenaan patut memperbaiki lagi mutu permainan sukan-sukan kita yang hari ini balik-balik itu, tidak ada gantinya. Jadi mulai pada sekarang patutlah mencari bakat-bakat yang patut mengambil tempat mereka yang

akan tidak lama lagi harus tidak boleh lagi bermain kerana umur yang lanjut atau sebagainya. Jadi ini juga patut Kementerian memikirkan supaya cari satu jalan cara mana supaya dapat menyungkil bakat-bakat yang ada hari ini di sekolah-sekolah untuk mengadakan satu sekolah khas daripada Tingkatan I hingga ke Tingkatan V ataupun VI supaya mereka ini selain daripada belajar akademik dan lain-lain, diberi juga peluang khas untuk mengambil bahagian di dalam sukan yang terlatih dan teratur, mencari ganti pemain-pemain kita yang akan bersara beberapa tahun yang akan datang.

Ini sahaja dua perkara yang saya dapat bincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak hendak menyentuh yang lain-lain, oleh yang demikian saya menyokong Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

5.32 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan saya bangun turut menyokong di atas usul yang dikemukakan mengenai Rang Undang-undang bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980.

Bagi saya ada beberapa perkara yang hendak diutarakan, tetapi saya cuba memendekkan memandangkan masa yang tidak begitu mengizinkan pada petang ini, terutama bila saya dengar kesah di sebelah selatan berkaitan dengan wang yang telah dan sedang mencurah-curah keluar daripada Malaysia ke negara sebelah, begitulah keadaannya, Tuan Yang di-Pertua, berlaku di sebelah utara, boleh dikatakan setiap minggu bahkan setiap hari ada sahaja rombongan-rombongan daripada Malaysia yang datang daripada Perak, Pulau Pinang dan juga Kedah, sama juga lain-lain negeri, pergi ke sebelah utara iaitu ke sebelah Padang Besar kadang-kadang terus ke Haadyai membeli barang-barang yang tidak dapat saya hendak katakan berapa banyak wang telah dibawa keluar daripada negara kita ini ke sana.

Di satu masa dahulu ada ura-ura saya dengar Kerajaan hendak mengadakan satu kawasan Free Trade Zone dan sebagainya tetapi masih dalam samar-samar sama ada rancangan itu dapat diteruskan atau tidak. Namun begitu perjalanan yang ada sekarang masih berterusan dan inilah yang membimbangkan kita melihat keadaan-keadaan ini kerana wang yang begitu banyak dari negara kita dicurahkan ke luar negeri.

Adalah menjadi harapan saya semoga pihak Kerajaan dapat berbuat sesuatu entah sama ada secara hendak menyekat wanita membeli dan sebagainya tetapi setidak-tidaknya boleh mengawal daripada begitu banyak dapat dikurangkan, sama ada dengan cara mengenakan cukai selaras dengan apa yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan ataupun sebagainya itu adalah di antara beberapa jalan yang boleh kita menyekat keluar wang kita daripada negara ini ke negara luar.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Jabatan Perdana Menteri yang berkait dengan pengawasan Parlimen ini yang saya sendiri dapat tahu menyatakan bahawa pada waktu ini Parlimen sebagai sebuah binaan tersergam indah yang dibina sebagai melambangkan demokrasi di negara kita, malangnya pengawasan yang seharusnya diberi begitu rapi kepada binaan yang maha cantik ini tidak mencukupi. Hanya pada waktu ini disediakan seorang sahaja malahan kalau kita naik di atas di kemuncak sana terdapat beberapa barangkali keretakan binaan itu dan ini, dan kalau sekiranya dibiarkan mungkin akan membawa kepada, bukan saya kata runtuh tetapi kebocoran di sana sini memandangkan keadaan-keadaan yang sedang ada pada masa ini.

Jadi saya difahamkan juga peruntukan harus ada begitu banyak, apa yang saya maksudkan ialah pengawasan dan penyelenggaraan terhadap binaan yang maha cantik ini kalau tidak diadakan beberapa anggota yang begitu cukup daripada Engineer, orang teknikalnya dan sebagainya tentulah lama kelamaan akan ketinggalan begini sahaja dan itulah yang menjadi harapan saya semoga pihak yang berkenaan dapat melihat dan bukan sahaja memberi peruntukan tetapi seboleh-bolehnya mengadakan satu group technician, satu

group jurutera dan sebagainya ataupun bagaimana yang boleh dibuat dapat mengawasi binaan yang maha cantik ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada Kementerian Pertanian. Pada satu masa dahulu Kementerian Pertanian telah berusaha secara bersungguh-sungguh untuk hendak menambahkan pengeluaran daging untuk makanan dan susu untuk minuman kepada negara ini dan dengan kesungguhan mereka ternyata beberapa penyibar an sana dan sini, kenyataan surat-suratkhabar dan kenyataan daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan sendiri mengeluarkan yang menyatakan bahawa Kementerian bersedia untuk menolong terutamanya penternak-penternak lembu dan kerbau supaya dapat diberi baka benih yang baik kepada mereka itu sebagai menggantikan apa yang sedang mereka itu miliki di waktu itu.

Jadi memang banyak bila didapati berita itu maka berusahalah petani-petani yang menternak kerbau-lembu ini mana yang kurang baik dijual, disembelih menanti berita yang diisytiharkan bahawa Kementerian akan menolong membawa satu benih baka kepada mereka yang dinamakan rancangan "permanian beradas". Malangnya sampai hari ini tidak kedengaran berita di mana adanya "permanian beradas" padahal ada cerita-cerita yang sungguh menggalakkan bahawa "permanian beradas" ini boleh memberi pertolongan yang baik dengan cara dibenhbakakan kepada lembu-lembu betina yang sedang galak dan dibawa benih menerusi sarung paip dan sebagainya, melalui dikahwinkan secara begitu tanpa mempunyai bapa, yang dalam bahasa Inggerisnya disebut "insemination". Tetapi rancangan ini tidak didengar sekarang ini. Ke mana perginya wallahualam, tetapi mungkin boleh jadi dengan sebab adanya usaha Majuternak dan sebagainya maka rancangan ini ditinggalkan begitu sahaja. Namun begitu, harus ada banyak tempat yang tidak dapat diusahakan secara apa yang dikehendaki oleh Majuternak. Dengan yang demikian, harapan saya semoga rancangan permanian beradas ini diketengahkan semula dan dimajukan supaya usaha-usaha ini dapat sampai ke hujung desa yang tidak dapat peluang menerima baka-baka benih atau anak-anak lembu yang dibawa daripada luar negeri itu.

Satu lagi saya dapat kenyataan bahawa di Trengganu usaha Jabatan Pertanian menternak anak ulat sutra, di satu masa sungguh mengalakkan juga. Tetapi ini juga menjadi tandatanya. Mengapa Kerajaan atau Kementerian tidak mahu diusahakan hal ini supaya dapat diperkembangkan di lain-lain negeri dalam Semenanjung ini juga di Sabah dan Sarawak semoga dengan adanya perusahaan yang sedemikian setidak-tidaknya kaum tani bukan sahaja boleh mengambil daya usaha untuk mengadakan usaha ini, tetapi boleh juga menternak, boleh juga berusaha secara kecil-kecilan dengan mendapat panduan dan petunjuk dari jabatan yang berkenaan.

Lagi satu, memandangkan keadaan geography tanah air kita, memandangkan keadaan hawa yang ada di tanah air kita dan memandangkan cerita-cerita di masa lampau iaitu di masa Jepun melanggar negara kita, selepas itu bila dia memerintah 3, 4 bulan maka dia menggunakan satu kuasa menyuruh semua orang selain daripada menanam pisang dia berkehendak supaya orang bertanam kapas. Jadi saya pandang dari sudut geographynya, dari sudut hawanya dan suhu negara kita dan dari kesuburan tanahnya dan dari sudut keluasan tanah yang masih ada sekarang ini mengapa usaha tanaman kapas ini tidak ditaja, tidak dikemukakan kepada rakyat kerana ini saya fikir adalah satu daripada perusahaan yang harus memberi keuntungan besar sedangkan kita pada waktu ini mengimport banyak bahan-bahan benang daripada kapas dan sebagainya. Kalaulah ada perusahaan tanaman kapas di negara kita, barangkali itu boleh memberi satu jalan yang baik untuk petani selain daripada mereka bertanam padi dan juga sedikit-sedikit buah-buahan, maka harus mereka dapat membuat perusahaan atau bertanam kapas ini dan dengan itu adalah kita harap akan tumbuhlah setidak-tidaknya perusahaan-perusahaan kecil, perkilangan-perkilangan kecil yang boleh mengambil perusahaan dari hasil pertanian dari petani-petani kita. Jadi harapan saya semoga ini juga dapat diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Saya bercakap sedikit mengenai dengan Kementerian Sains dan Teknologi. Satu dua hari yang lalu kita dapat dengar jawapan-

jawapan daripada Menteri mengatakan pencemaran alam disebabkan oleh kilang-kilang. Itu saya akui dan di tempat saya beberapa buah kilang telah tumbuh dengan pesatnya, di antaranya ialah kilang baja ikan, kilang tebu, kilang getah dan begitu juga kelapa sawit. Saya tidak tahu apa yang dibuat kerana dewasa ini terdapat mereka yang duduk berhampiran dengan saluran-saluran sungai di mana kilang-kilang itu terdiri pada masa dahulu orang-orang yang tinggal di situ dapat menggunakan air sungai itu begitu juga binatang-binatang yang ada di dalam sungai itu seperti ikan dan udang boleh diambil faedah oleh penduduk-penduduk sekeliling. Malangnya, bila sudah didirikan kilang-kilang dan kilang ini menjalankan perusahaannya seketika bila mereka melepaskan air yang tidak diguna, yang menggunakan beberapa kimia dan sebagainya, maka sekarang ini sungai-sungai itu sudah tidak boleh digunakan lagi airnya, sudah tidak boleh diambil lagi faedah airnya dan begitu juga segala binatang-binatang yang saya sebutkan itu iaitu ikan-ikan dan udang-udang yang ada di situpun tidak boleh diambil kerana habis mati dibunuh oleh saluran-saluran air yang dikeluarkan daripada kilang-kilang tadi.

Adalah menjadi harapan saya supaya Kementerian ini dapat mengambil perhatian lebih kepada aduan-aduan yang biasa didengar di desa-desa mengenai hal ini dan semoga dengan itu akan menjadi satu pertolongan faedah balik kepada mereka dengan jalan mereka mendapat hasil faedah daripada sungai.

Berkait dengan Kementerian Perumahan, saya hanya hendak bercakap tentang kesah permohonan meminjam wang membeli rumah. Pada satu masa dahulu permohonan ini dibuat menerusi Kerajaan Negeri ataupun dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi di masa-masa yang akhir ini ataupun di masa 4, 5, 6 bulan dahulu telah dikeluarkan satu arahan semua permohonan mengenai dengan memohon untuk membuat rumah, mendirikan rumah, memiliki rumah hendaklah dihantar terus ke Kementerian di sini, dalam pada itu pula diberi jaminan bahawa setiap permohonan akan diambil perhatian selewat-lewatnya tidak lebih daripada tiga bulan. Maka di hari ini ternyata

ada beberapa pemohon yang telah menghantar permohonan mereka ke sini sehingga sampai lebih tiga empat bulan masih tidak mendapat sesuatu kenyataan pun dan dengan itu selalu menjadi persoalan dan tandatanya bagaimanakah janji-janji dan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian mengenai hal ini dan itulah menjadi harapan saya semoga pihak Kementerian dapat memerhatikan permohonan-permohonan ini, kes-kes yang seumpama ini supaya tidak ketinggalan masanya dan tidaklah menjadi satu masalah kepada mereka dengan cara hendak mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian.

Lagi satu mengenai—saya hendak sebut sama ada Kementerian Pengangkutan atau Jalanraya—tidak tahulah, tetapi apa yang saya dapat faham, Jabatan Pengangkutan adalah sebuah jabatan yang memperolehi perolehan yang besar untuk menolong Kerajaan, kira-kira kalau hendak ditaksirkan barangkali boleh jadi jatuh nombor dua atau nombor tiga selepas daripada Jabatan Kastam dan Eksais dari segi perolehannya.

Saya dapat tahu, umpamanya, di Kedah mengutip tidak kurang daripada \$1 juta sebulan untuk hasil kepada Jabatan ini dan terus kepada Kementerian atau kepada Kerajaan. Tetapi malangnya bila saya pergi melihat ke sana ternyata seminggu tiga kali, sukar agaknya kita hendak masuk ke dalam pejabat itu kerana manusia yang begitu ramai sekali bersekesak-kesak berbaris seolah-olah macam ceritanya orang hendak pergi ambil borang hendak memohon rumah. Begitulah keadaannya yang berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalanraya tiap-tiap negeri boleh dikatakan seminggu 3 kali atau 4 kali ramai sangat orang yang begitu. Padahal kalau diperhatikan dari segi pendapatan macam saya sebut tadi dia membuat pengutipan yang agak lebih sekali tetapi mengapa Kementerian boleh biar sampai begitu gayanya, tidakkah boleh diadankan satu cara menyelesaikan orang datang itu dengan agak segera menggunakan komputer dan sebagainya ataupun membesarkan Jabatan itu setaraf dengan kehendak perkembangan pengangkutan yang ada sekarang ini, moga-moga dengan itu akan bukan sahaja menolong orang

yang datang boleh berteduh di dalamnya tetapi juga kerja-kerja dapat diselesaikan dengan sebegitu cepat dan segera.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Tengahari tadi kita dengar masalah Tadika-tadika dan sebagainya. Bila ditanya Kementerian Pertanian, dijawabnya saya tidak ada bertanggungjawab dalam masalah lain-lain Tadika dan sebagainya, saya hanya bertanggungjawab dalam Tabika sahaja, iaitu Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK), maka yang lain-lain mungkin dalam kawalan atau pengawasan Kementerian Pelajaran. Saya tidak hendak menekan sesiapa yang menjadi tanggungjawab tetapi apa yang harus diambil perhatian ialah masalah anak-anak kita yang masih kecil berumur 5-6 tahun, iaitu yang dikatakan pra persekolahan, belum masuk sekolah rasmi, yang kita dapati banyak sungguh taman-taman yang dibuka sekarang. Bila ditanya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pelajaran mengatakan mereka ada meminta tetapi bukan dalam pengawasan kita, tempat itu dibuka taman kita tahu tetapi bukan di bawah kawalan dan jagaan kita, ini adalah hak individu ataupun sesuatu syarikat dan sebagainya. Saya tidak sangat hendak berkisah fasal itu tetapi yang saya hendak menekankan ialah masalah guru yang mengajar anak-anak kita itu sebab saya buat contoh anak saya sendiri.

Saya hantarkan anak saya semasa berumur 5 tahun saya hantar masuk sekolah itu dengan tidak mengetahui kisah-kisahannya, maka anak itu sudah belajar di satu taman yang dipanggil "Taman Didikan". Pada peringkat permulaan bila sudah masuk diajarnya dengan cukup mengetahui anak ini boleh kenal A, B, C hingga sampai akhir. Hingga sampai masuk tahun yang dia berumur 6 tahun hampir masuk kepada persekolahan rasmi dia sudah boleh baca perkataan sedikit demi sedikit, begitu sekali cergasnya pengajaran yang ada di situ, tetapi bila anak ini dibawa masuk ke dalam sekolah rasmi ternyata satu kaedah anak ini mendapat kesimpulan bahawa apa yang akan diajar oleh guru itu aku sudah tahu. Dengan itu dia berasa satu kemegahan baginya bahawa guru yang hendak ajar aku sudah tahu sebab sekolah yang dia mengaji, pra persekolahan tadi dipaksa anak-anak ini menghafalkan A, B, C hingga sampai akhir.

Bila kita hantar masuk ke sekolah rasmi di situ baru hendak mula mengajar, hendak mengenalkan huruf dan sebagainya. Datang satu kesimpulan yang ada dalam hatinya aku sudah tahu, maka dia sudah merasa satu keangkuhan, dia tidak lagi memandang kepada guru dengan secara bersungguh-sungguh, memerhatikan pelajaran dengan cara bersungguh-sungguh akhirnya anak ini setahun bagus, dua tahun bagus, tiga tahun sudah perlahan menurun, perlahan menurun dan perlahan menurun hingga sampai sukar bagi saya sendiri yang saya tahu hendak mengajar, memimpin anak saya itu. Berpunca bila saya kaji rupanya ini adalah dari sebab-sebab anak ini dihantar kepada satu tempat pra persekolahan gurunya tidak menerima latihan untuk membimbing anak-anak itu ke arah yang baik meletakkan asas yang sempurna. Inilah satu perkara yang harus akan terkena kepada anak-anak kita semua kalau sekiranya Kementerian Pelajaran tidak ambil perhatian secara bersungguh-sungguh tentang mengawal siapakah yang akan membuka taman ini dan siapakah yang akan mengajarnya. Kalau guru-guru itu tidak mendapat latihan secara yang dikehendaki oleh bimbingan didikan dan sebagainya haruslah tidak boleh diberi kebenaran kepada permohonan itu. Saya tak tahu.

Hanya dapat saya hendak katakan satu lagi berkaitan dengan pelajaran ini, ada dasar Kementerian menghantar anak-anak kita lulus sahaja SPM yang baik terus ke luar negeri. Tempoh hari sudah saya bayangkan anak yang masih mentah, anak yang belum tahu asas kehidupan begitu-begini, barangkali bukan Kementerian yang menghantar untuk duduk tinggal bersama-sama dengan rumah bapa angkat dan sebagainya tetapi ada kisahnya berlaku anak-anak itupun pernah menulis mengatakan bahawa kalau begini keadaannya dia tak tahan hendak duduk tinggal di rumah bapa angkat dan emak angkat, akhirnya dia sudah terasa bahawa keadaan hidupnya sudah jadi lain sama sekali. Saya tak mahu membicarakan masalah makanan dan minuman tetapi dari segi budi pekerti, penghormatan itu dan ini sudah menjadi tidak ada apa-apa lagi bagi mereka kerana sudah terikut-ikut dengan keadaan

hidup walaupun masa singkat 6 atau 7 bulan tetapi itulah kisahnya anak-anak kita yang dihantar ke sana.

Lagi satu yang diberitahu tentang ketiadaan bekerjasama di antara badan-badan yang menghantar anak-anak kita ini ke sana. Satu daripadanya kumpulan yang dihantar oleh JPA ada yang dihantar di bawah kawalan Lembaga Letrik Negara, di bawah kawalan MARA, di bawah kawalan lain-lain lagi. Yang saya kata mengapa tidak adanya persefahaman di antara mereka, berlaku satu ketika di England sana satu tempat yang didiami oleh kumpulan MARA, iaitu tempat yang disewa oleh MARA untuk pelajar-pelajar yang dihantar olehnya, tempat itu masih kosong, tak kurang daripada 12 atau 13 tempat lagi tetapi bila sampai kumpulan-kumpulan yang dihantar oleh kumpulan JPA belajar di sana tidak ada persefahaman dan tidak diberi peluang duduk bersama-sama di situ. Jadi apakah ini menjadi satu soalan dan tanda tanya bukan sekadar orang lain, budak-budak itu sendiri bertanya mengapa tak boleh diberi pertimbangan kepada anak-anak yang baru datang daripada Malaysia duduk bersama-sama buat sementara untuk hendak kenal apakah itu England, apakah itu London. Saya tak tahu juga bagaimana cara-cara perkhidmatan ini yang boleh diselaraskan perjalanannya semoga tidaklah menjadi tanda tanya lagi dan anak-anak kita pun mengikut kenyataan orang yang sudah biasa dan lazim tinggal di sana sudah menyuarakan sebolehnya kalaulah ada rancangan-rancangan hendak menghantar anak-anak kita ke sana lebih baik berilah peluang mereka menduduki STP di sini dahulu kerana bentuk STP di sini adalah lebih baik dan lebih tinggi keadaannya daripada apa yang ada di London ataupun di England ataupun di luar negeri.

Ini pengakuan daripada anak-anak kita sendiri, pengakuan daripada mereka yang bertanggungjawab di sana. Itu saya tidak hendak cerita lain, kalau hendak cerita kesah-kesah hal-hal yang berserabut di sana barangkali kita semua menggeleng kepala, Tuan Yang di-Pertua.

Sungguhpun banyak penuntut-penuntut hampir kalau tidak salah saya 20,000 tetapi berapa ribu sahaja penuntut-penuntut yang

dibiayai oleh Kerajaan yang lainnya adalah secara persendirian. Bila cerita hal-hal persendirian ini dibangkitkan ternyata adalah bahawa banyak suara-suara sumbang, kenyataan-kenyataan yang tidak secukupnya dengan Kerajaan kita sedang dikeluarkan oleh mereka di sana. Jadi hal ini juga patut pihak Kementerian mengambil satu daya usaha menetapkan orang-orang setidak-tidaknya guru-guru yang ada berpengetahuan selain daripada politik, ada pengetahuan agama dan pentadbiran ditetapkan di tempat-tempat ini bukan satu, bukan dua; seberapa banyak yang terdaya semoga dengan ada orang-orang ini bolehlah mereka membantu membendung semula fikiran anak-anak kita yang masih ada di sana yang sudah tersasul hidup dan fahaman mereka terhadap Kerajaan yang ada sekarang.

Akhirnya, saya mintalah Perkhidmatan Pos agak lebih berusaha dan bertenaga sedikit. Saya tidak tahu, nampaknya sekarang pun masih ada lagi, kalau ada surat-surat yang datang atau yang dihantar daripada Parlimen ini, pergi ke Alor Setar memakan masa 4-5 hari. Sebab apa jadi begitu Wallah hu' alam! kemudian, yang anihnya masa saya mula-mula dijemput datang ke sini untuk mengangkat Sumpah pada 15hb kebetulan saya ada di Kuala Lumpur atas urusan lain, Parlimen beritahu; Tuan Haji datang cepat kerana angkat Sumpah. Saya bertanya angkat Sumpah apa? Jawab dia, sumpah fasal ini. Oh begitukah! Surat mana? Sudah hantar pada 10 haribulan. Telefon ke rumah: sudah dapat suratkah atau tidak lagi? Tidak lagi! Surat Parlimen hantar takkan tak sampai? Tidak lagi! Akhirnya surat sampai pada 16hb, saya datang angkat Sumpah pada 15hb kerana panggilan begitu sahaja. Inipun sedih juga. Walau bagaimanapun, perkhidmatan itu harus dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya menyokong sepenuhnya Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan perkhidmatan 1979 dan 1980.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Haji Husain.

6.02 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang ghairah hendak bercakap tetapi tidak berapa suka petang ini. Tetapi kerana saudara-saudara saya sudah bercakap banyak, saya teringin hendak bercakap. Saya mintalah, Tuan Yang di-Pertua, jangan marah walaupun ada usul supaya dihabiskan urusan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Menteri fasal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Maksud B.15 Kertas Perintah 6/1981. Ini ada "sewa hotel". Ini siapa yang menyewanya? Kerajaan yang menyewa hotelkah, kakitangan Kerajaankah. Ini disebut "sewa hotel" sahaja, kerana sebut "sewa hotel" di sini kurang manis, Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap ini perkara dasar, Tuan Yang di-Pertua. Kertas Perintah 6/1981—perbelanjaan sebanyak \$109,107 bagi menampung perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan; sewa hotel, perjalanan dan keraian, menjelaskan bil-bil elektrik. Itu saya fahamlah. Perbelanjaan terhadap bekalan dari sebagainya tetapi "sewa hotel" ini siapakah yang sewanya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengapa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terlampau lambat bayar kepada Dewati Bandaraya, \$15 juta hutangnya daripada tahun 1957 sampai 1980 baru dibayar. Yalah duit itu sudah bayar tetapi mengapa sampai lima tahun baru dibayar? Patutlah Dewan Bandaraya banyak jalan-jalan lekak-lekok yang tidak dibuatnya, rupanya Kerajaan berhutang tidak bayar! Yang tahu berhutang ini kita sahaja rasanya, sampai lima tahun baru bayar sekali. Jadi saya berharap Kementerian Perumahan pada lain kali janganlah sampai lima tahun. \$15 juta ini diperlukan untuk membayar tunggakan caruman bantuan cukai kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tempoh 1957 hingga 1980. Saya harap pada masa ke hadapan ini jangan sampai lima tahun, setahun lebih sedikit, bayar!

Ini satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Di sini ada \$16,011,000. \$12,282,456 bayaran tuntutan gantirugi kepada peminjam iaitu ke atas pinjaman Syarikat Gula Negeri Sembilan.

Yang nombor dua itu gula juga, gantirugi sebagai pinjaman oleh Syarikat Gula Padang Terap.

Tidakkah ada asset yang patut dilelongkan. Mengapa sampai \$15 juta Kerajaan kita kena bayar? Dia yang buat kerja kita yang kena bayar! \$3 juta Syarikat Gula Padang Terap, \$12 juta Syarikat Gula Negeri Sembilan. Mengapa pada masa merancang Syarikat Gula Negeri Sembilan dan Syarikat Gula Padang Terap ini tidak dikaji masalah teknikal seperti kekurangan gula mentah dan sebagainya dengan repot yang besar. Sedangkan saya faham, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini patut sebelum itu ada dia punya siasatan awal dan juga sokongan daripada pakar-pakar yang tinggi dalam segi ekonomi. Ini Kerajaan Persekutuan terpaksa bayar \$15-\$16 juta dan saya hendak tahu adakah asset Syarikat Gula Padang Terap dengan Syarikat Gula Negeri Sembilan itu ada harta-hartanya dan mengapa sebabnya kita bayar. Ini pun saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Kemudian Maksud B. 47—Jabatan Penerangan. \$240,000 adalah dikehendaki bagi membayar dan membiayai perbelanjaan untuk mencetak dengan segera potret Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang baru—\$240,000. Sepatutnya yang biasa mana-mana badan yang membuat, dia ada beri kepada Ahli-ahli Dewan Negara ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat gambar itu semua, buku-buku atau apa sekalipun, tetapi ini, kita tidak tengok adakah dia beri gambarnya, sama ada dia cetak atau tidak, kita tidak tahu! Sebagai saksi sepatutnya dia beri tengok, ini dia gambar yang baru berkehendakkan \$240,000. Ini kita pun tidak tengok! Saya tidak kata dia tipu (*Ketawa*). Tetapi pada pandangan dia ini sudah baik, barangkali pandangan kita kurang baik lagi. Hendak tambah lagi, \$240,000 tidak cukup, kita beri \$480,000. Tetapi beri kenyataan kepada kita, ini gambarannya.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 63—Perkhidmatan Pos. Perkhidmatan Pos ini berhutang dengan Keretapi, iaitu \$2,915,000. \$2,300,000 perlu untuk menjelaskan bil-bil Keretapi Tanah Melayu (KTM) bagi tahun

1977 dan 1981. Mengapa jadi begini, patutlah Keretapi rugi kerana hutang tidak dijelaskan. Dan juga bayaran tadbir, pos luar negeri dengan MAS serta bayaran kepada KTM untuk pengangkutan mail hingga akhir tahun 1980. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya dalam masalah pembayaran kewangan kepada jabatan-jabatan ini pihak sesebuah Kementerian seharusnya janganlah mengambil masa lama minta kepada Dewan ini atau minta kepada pihak Perbendaharaan dan Perbendaharaan mesti jangan lambat. Ini dia sudah gunakan 2 tahun dahulu dan duitnya sudah dibayar, tidak ada lagi semua sudah dibayar tetapi kita kesalkan mengapa berhutang, penjelasannya lambat. Jadi kita mesti memikirkan sesuatu jabatan itu juga perlukan wang tetapi kewangannya tidak cukup dan dia mengambil dahulu peruntukan yang lain bagi menyelesaikan masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga sedikit hendak bercakap dalam masalah Jabatan Perdana Menteri iaitu Maksud B. 8—dibelanjakan sebanyak \$5,882,225 dan kita tahu bahawasanya persiapan kerana merayakan Abad ke-15 Hijrah. Dan sebagaimana yang saya difahamkan satu seminar antarabangsa Rabitah Al-Islami akan membuat seminarnya di Kuala Lumpur. Yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di mana hendak diadakan, di Hilton Hotel, di hotel antarabangsa yang lain. Tidakkah terfikir oleh Kerajaan kita negeri yang serba muda dan sedang membangun dan kita tidak mempunyai bangunan untuk persidangan antarabangsa kita sendiri. Pada suatu ketika dahulu ada persidangan antara Gabenor-gabenor Bank Islam, kita telah berbelanja dalam tempoh 4 hari lebih \$3 juta iaitu dibuat di Hotel Hilton. Seminar Rabitah Al-Islami ini akan diadakan di Kuala Lumpur dan semua negeri Islam akan hadir ke sini di mana dicadangkan oleh Kerajaan persidangan itu akan dilakukan. Kalau hendak dibuat di Parlimen ini sendiri tadi, sahabat saya mengatakan bilik ada, alat-alat tidak ada, ada bocor, begitu dan begini. Jadi tidakkah Kerajaan bercadang pada masa akan datang mengadakan satu bangunan yang betul-betul tempat persidangan antarabangsa yang tidak kalah dengan negeri-negeri luar. Kita tidak

perbelanjaan di luar jangka ini tidak dapat kita tentukan, tetapi kalau nisbah bermillion-million ringgit ini ialah salah fokus. Jadi, pihak Perbendaharaan mestilah mengingatkan kepada Kementerian-kementerian supaya dia fokus betul-betul, jangan tidak cukup sampai \$7 million. \$7 million bunyinya bukan sedikit, jadi haraplah Perbendaharaan mengingatkan kepada Kementerian-kementerian supaya perbelanjaan itu agar munasabah \$1 juta lebih sedikit atau \$1½ juta umpamanya, ini munasabah tetapi kalau sampai \$7 juta ini seolah-olah tidak ada planing sedang kita tahu sekarang perkembangan pelajaran memang kuat, memang tinggi, kita akui tetapi masalah yang seperti ini patut diminta sebanyak-banyaknya daripada budget kita dalam masa kita membahaskan perbelanjaan tahunan. Jadi, sekarang \$7 juta lagi. Saya sebenarnya tidaklah ghairah mengenai perbelanjaan itu tetapi caranya yang saya minta kepada pihak Perbendaharaan dan sebagainya mengingatkan kerana semua kita di sini ialah orang tua-tua, tentulah mengingatkan sebelum kami semua keluar, kepada adik-adik yang muda-muda ini.

Ini ialah satu daripadanya pandangan yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Supply Bill ini berdasarkan kepada Kertas Perintah No. 6/1981 yang berjumlah sebanyak yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang ini, tetapi walau bagaimana pedas cakap saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini supaya diluluskan.

### 6.23 ptg.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) serta di atas pandangan-pandangan yang benar-benar bernas dan sangat-sangat berguna yang akan dijadikan sebagai panduan bagi Kerajaan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih teratur lagi pada masa-masa akan datang.

Saya tidaklah bertujuan untuk menjawab kepada semua teguran-teguran yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan kiranya saya tidak

menjawab teguran-teguran tersebut memadailah bagi saya menyatakan bahawa pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan ditimbang dan yang mana sesuai akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Dua orang Ahli Yang Berhormat telah di dalam perbahasan tersebut menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap keadaan dalam bangunan dan Perkhidmatan Parlimen kita sendiri dan salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tersebut telah menyatakan bahawa beliau bimbang agar Dewan Negara ini mempunyai satu taraf sebagai satu rubber stamp sahaja, tetapi sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selepas mengikuti perbahasan yang telah diadakan di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) ini jelaslah bahawa Dewan Negara tidak boleh dianggapkan sebagai satu rubber stamp dan sebenarnya sama ada sesuatu badan itu dapat memainkan peranan yang berkesan bergantunglah kepada ahli-ahlinya dan bergantung sangat kepada keikhlasan ahli-ahlinya dalam menyampaikan pandangan-pandangannya dan dalam memainkan peranannya sebagai ahli Badan tersebut. Oleh itu, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah tidaklah harus bimbang tentang kedudukan Dewan Negara yang mulia ini bahkan sukalah saya menyatakan bahawa pada pandangan saya Dewan Negara merupakan satu badan yang tidak mempunyai kepentingan politik semasa bahkan mempunyai kepentingan rakyat dan negara terlebih dahulu daripada kepentingan politik semasa ataupun kepentingan politik tertentu dan dalam keadaan ini Dewan Negara dan ahli-ahlinya dapat memainkan peranan yang efektif sebagai conscience negara ini dalam memberikan pandangan-pandangan yang berguna bagi membantu dan membolehkan Kerajaan memainkan peranannya sebagai Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah dan Senator Rahmah tentang Parlimen akan disampaikan kepada Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan

boleh ikut Arab Saudi, Tuan Yang di-Pertua, Arab Saudi membelanjakan hampir \$5 billion mengadakan persidangan Islam di Taif dan di Mekah. Saya tidak hadir dalam persidangan Islam itu, tetapi saya hadir ke Mekah sebelum persidangan Islam kerana melakukan amalan Umrah. Jadi, saya pastikan betul-betul Kerajaan Arab menjaga imejnya sebagai sebuah negeri yang kaya dengan minyaknya. Kita pun bukan miskin, Tuan Yang di-Pertua, kita pun ada minyak juga, sedikit itu soal lain. Kita mempunyai status juga tetapi di mana persidangan Islam antarabangsa yang hendak diadakan di Kuala Lumpur ini yang boleh menjadi satu pandangan kepada negeri luar bahawa di Kuala Lumpur ini sungguh enak tempat persidangannya. Ini balik-balik kita hantar di Hilton Hotel, makan di Equatorial Hotel lebih-lebih Regent Hotel. Memberi hadiah Sastra di Dewan Parlimen—di Banquet Hall malam lusa, itu tak apalah hal dalam negeri, tetapi tidakkah terfikir oleh Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan tempat ini.

Kita mahu sekarang ini satu bangunan yang betul-betul meliputi macam ada di Taif. Ada 43 ketua negara, ada 43 buah istana yang didirikan di Taif untuk tujuan itu. Yang Amat Berhormat Dato Sri Dr Mahathir bin Mohamad pun dapat sebuah untuk tiga empat malam duduk di situ. Setelah diadakan 43 buah istana kemudian baharu diadakan persidangan yang boleh muat 5,000 orang. Cuma UMNO sahaja ada bunyi hendak buat, tetapi Kerajaan tidak ada dengar bunyinya hendak buat. Kalau kompleks UMNO itu sudah siap ia boleh menampung 5,000 orang, tetapi Kerajaan kita tumpang pandang sahajakah. Jadi, saya harap walaupun ucapan saya ini barangkali tidak lari daripada Kertas Perintah bahawa ini saya minta kepada Yang Berhormat Menteri tolonglah mengkaji masalah ini pada masa hadapan, carilah tempatnya.

Begitu juga Istana Negara sudah 18 tahun baharu tahun ini mempunyai Istana Negara yang sempurna. Pagarnya dahulu pagar kebun sahaja. Bercakap di dalam Dewan ini mengenai Istana Negara ini tempat tumpuan sekarang sudah baik—sudah bagus, tetapi walau macam mana pun Istana Negara itu janda juga. Jadi cadangan hendak mendirikan

Istana Negara yang baharu memang ada tetapi sudah 21 tahun tunda, tunda, tunda kadang-kadang kita baiki yang ada sekarang ini memakan belanja berjuta-juta ringgit. Istana yang ada ini kita akui bagus tetapi rumah itu asalnya dipunyai oleh seorang hartawan Cina. Jadi pada kita janda ini, sudah lega, maknanya pintu-pintunya semua sudah lega, semuanya janda. Jadi apa salahnya Kerajaan membuat sebuah istana yang baharu macam juga tempat persidangan yang saya katakan tadi. Kita malu tetapi orang luar memandang keupayaan kita, cara kita membangun, cara kita berfikir, cara kita mengawasi persidangan dan sebagainya mereka puji sebuah negara yang baik. Bagi orang-orang Arab kalau dia melancung ke Jawi—maksud saya Jawi ini maknanya melancung ke Timur dia dinasihatkan supaya singgah ke Malaysia, tuan-tuan akan dapat makanan yang sedap, pandangan yang indah, hawa yang baik dan juga layanan yang memuaskan. Tetapi yang sudah-sudah ini, kita masih menumpang. Jadi pandangan saya ini akan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan pada masa akan datang.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, B. 23 (ii) \$1,303,248.00 bagi membiayai perbelanjaan keraian rasmi terhadap seminar dan persidangan yang diatur oleh Kementerian serta perbelanjaan hospitality bagi rombongan luar negeri yang berkunjung ke Malaysia, bagi bayaran sewaan bangunan untuk mengadakan persidangan, kenderaan-kenderaan, tempat-tempat penginapan, bekalan alat-alat kelengkapan pejabat, pembelian kereta-kereta rasmi dan juga perbelanjaan bagi kerja-kerja menyenggara mengubahsuaikan bangunan untuk ruang pejabat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian berjumlah \$1.3 juta. Ini satu pengakuan yang rasmi daripada Kerajaan bahawasanya bagi bayaran sewa bangunan persidangan itu sendiri. Jadi ini satu pegangan saya kepada apa yang saya sebutkan pada awalnya tadi.

Yang kedua, B. 29 Kementerian Pelajaran. Sebanyak \$7.042 juta adalah dikehendaki bagi menampung Perbelanjaan Mengurus Universiti Teknologi Malaysia dan Instituit Teknologi MARA bagi tahun 1980 kerana keperluan yang disediakan tidak mencukupi. Memang pada hakikat yang sebenar bahawa

Parlimen dan juga kepada Setiausaha Dewan Rakyat/Parlimen bagi tindakan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, berhubung dengan perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah berkenaan dengan keadaan Bilik-bilik Jawatankuasa di dalam Bangunan Parlimen ini yang begitu usang dan tidak sesuai untuk digunakan bagi persidangan-persidangan peringkat antarabangsa, sukalah saya menyatakan bahawa Jabatan Kerjaraya telahpun mengambil tindakan untuk memperbaiki bilik-bilik yang berkenaan. Tetapi sukalah saya juga menyatakan bahawa adalah penting bagi kita selaku Ahli Parlimen sama ada Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara untuk memandang kepada Parlimen ini sebagai satu khazanah politik negara bukan sahaja sebagai satu bangunan di mana diadakan Mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat tetapi sebagai satu bangunan dalam mana proses politik negara dibentuk dan juga sebagai satu khazanah politik negara dan sebagai Ahli-ahli Dewan Negara dan Rakyat, saya percaya bahawa tugas dan tanggungjawab ini bukanlah semata-mata terserah kepada Kerajaan bahkan selaku Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat haruslah kita sendiri memikirkan bersama-sama bagaimana kedudukan istimewa Parlimen ini di dalam proses politik negara dapat diperbaiki lagi supaya anak-anak muda kita yang datang melawat umpamanya ke Dewan Parlimen ini dapat juga turut mengikuti sejarah politik negara dan turut memahami kedudukan penting Parlimen di dalam proses politik negara. Oleh itu, sukalah saya menggesa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana yang mempunyai minat dalam perkara ini untuk bersama-sama dalam badan-badan Persatuan-persatuan Ahli-ahli Parlimen yang ada di Parlimen kita yang sedang mengkaji perkara ini untuk membantu badan-badan Parlimen tersebut di dalam meninggikan ataupun membuatkan Parlimen itu lebih relevant sedikit kepada pelawat-pelawat ke Bangunan Parlimen ini yang lebih ramai terdiri daripada anak-anak muda kita yang masih lagi di bangku sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah telah juga membangkitkan tentang satu peristiwa yang agak menggoncangkan iaitu peristiwa Malam

Merak Kayangan yang pada pendapat Ahli Yang Berhormat itu telah berlaku satu peristiwa seolah-olah hingga lupa diri, lupa maruah, lupa ugama dan Kerajaan secara tidak langsung telah membantu berlakunya peristiwa tersebut dan peristiwa itu memalukan negara dan mencabar ugama.

Sukalah saya menjelaskan bahawa Malam Merak Kayangan itu bukanlah dianjurkan oleh Kerajaan ataupun Kementerian Penerangan. Dan oleh kerana perkara itu sudahpun berlaku, saya percaya bahawa apa yang patut saya katakan ialah bahawa Kerajaan akan lebih berhati-hati di dalam memberi keistimewaan liputan secara langsung dalam acara-acara seperti ini supaya peserta-peserta dan aris-artis negara kita atau lebih dapat bertanya diri mereka sama ada di dalam keadaan mereka sebagai artis dan sebagainya sama ada perlu pula mereka terikut-ikut dengan cara dunia Barat sedangkan kita pun sebuah negara yang begitu kaya dengan kebudayaan dan cara hidup kita sendiri. Oleh itu, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam masa-masa yang akan datang acara-acara seperti Malam Merak Kayangan itu akan ditapis dan lebih mendalam lagi dari segi sama ada kemudahan dan keistimewaan liputan secara langsung akan diberikan kepada acara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato Haji Mohd. Noor Mohamad telah menyentuh tentang pemberian kepada HICOM yang pada pendapat beliau merupakan satu pemberian atau peruntukan yang tidak mencukupi. Sukalah saya menjelaskan bahawa peruntukan sebanyak \$125 juta itu sebenarnya ialah untuk tahun 1981 dan adalah sebagai peruntukan pelancaran semata-mata dan sekiranya HICOM dapat mengaturkan rancangan-rancangan perindustrian berat yang lain, peruntukan yang akan diberikan kepada HICOM akan ditambah mengikut kemampuan HICOM menjalankan rancangan-rancangannya.

Sukalah saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sesuatu peruntukan itu tidaklah patut dipandang dari segi accounting iaitu bahawa sesuatu projek itu menerima satu anggaran yang sesuai dengan

tarafnya, tetapi sesuatu projek pada pendapat Kerajaan, menerima sesuatu peruntukan bergantung kepada kemampuan badan itu sendiri untuk menjalankan sesuatu projek itu. Tentu sekali dengan peruntukan sebanyak \$125 juta itu harapan kepada HICOM yang begitu tinggi tidaklah dapat dicapai dengan peruntukan yang begitu kecil, tetapi sukalah saya menjelaskan bahawa oleh kerana \$125 juta itu sebenarnya satu peruntukan pelancaran. Pandangan Ahli Yang Berhormat tersebut, saya ucapkan sebanyak terima kasih dan saya berharap tidak akan berasa bimbang tentang kedudukan HICOM di dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mempesatkan perindustrian di negara ini.

Di dalam perbahasan sebentar tadi juga telah ditimbulkan tentang rancangan pernianian beradas yang mana Ahli Yang Berhormat tersebut telah meminta supaya rancangan ini dimulakan sekali lagi. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan pernianian beradas sedang pun berjalan dengan lancar dan pada pendapat Kerajaan, rancangan ini mempunyai kesan-kesan yang berfaedah kepada perusahaan ternakan di dalam negara kita.

Berhubung dengan perusahaan ulat sutera dan tanaman kapas, sukalah saya menyatakan bahawa di dalam perusahaan ulat sutera (silviculture), teknologi dan tekniknyanya masih lagi dalam percubaan di Ajil, Trengganu dan tanaman kapas didapati tidak sesuai oleh kerana negara kita ini menghadapi masalah hujan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Husain telah menyentuh tentang ketiadaan satu bangunan yang sesuai untuk diadakan persidangan-persidangan antarabangsa. Sukalah saya menyatakan bahawa Jabatan Perdana Menteri telahpun menubuhkan satu Secretariate Persidangan Antarabangsa yang bertanggungjawab untuk mengendalikan Dewan Tuanku Abdul Rahman di Jalan Ampang sebagai Pusat Persidangan Antarabangsa. Walau bagaimanapun memanglah Kerajaan sedar bahawa Dewan Tuanku Abdul Rahman itu tidaklah sesuai untuk diadakan persidangan

mengikut taraf yang diharapkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato Haji Abdul Razak. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan memanglah Kerajaan kalau boleh hendak menjimatkan kewangan dan kalau boleh meminjam atau menumpang sekali sekala dan tidak menimbulkan masalah dan Kerajaan akan cuba menumpang di mana-mana bangunan yang diperlukan.

Tentang Persidangan Islam Antarabangsa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang dianjurkan oleh Rabitah, Kerajaan sudahpun bersedia mengadakan satu kompleks; Pusat Islam sedang dibina dan dijangka siap pada akhir tahun 1983 di mana di dalamnya akan diadakan satu Dewan Besar yang dapat memuatkan seramai 2,500 orang peserta dan apabila dewan kompleks Pusat Islam ini siap pada akhir tahun 1983, Persidangan-persidangan Islam yang lain yang dirancangan akan dapat diadakan di kompleks Pusat Islam itu sendiri.

Sukalah saya menyatakan bahawa ada beberapa perkara yang bersangkutan paut dengan Jabatan Laut dan Jabatan Kajicucua yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim dan saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil kira oleh Kementerian yang berkenaan dan tindakan yang sesuai akan diadakan bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, umpamanya tentang sikap lama dalam cara menghadapi masalah-masalah yang sentiasa berlaku setahun demi setahun dan mengubah sikap pegawai-pegawai kita tentang menghadapi perkara-perkara yang sudah pun pasti berlaku dan juga tentang membenarkan Jabatan Kajicucua mengeluarkan maklumat-maklumat yang lebih berguna kepada golongan-golongan yang sangat memerlukan kepada maklumat-maklumat tersebut.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak juga telah menimbulkan tentang caruman bantuan cukai sebanyak \$15 juta yang datangnya daripada Maksud B. 15 yang mana Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan diperlukan untuk membayar tunggakan caruman bantuan cukai kepada Dewan Bandaraya bagi tempoh 1957—1980. Sukalah saya menjelaskan sebenarnya bahawa pembayaran ini ialah untuk membantu Dewan Bandaraya oleh kerana cukai yang dibayarkan balik kepada Dewan Bandaraya yang selama ini semenjak 1957—1980 telah dipungut oleh Kerajaan Persekutuan dan untuk membantu Dewan Bandaraya dalam projek-projek serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang amat sangat diperlukan. Kerajaan telah memutuskan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membayar balik caruman bantuan kepada Dewan Bandaraya sebanyak \$15 juta bagi tempoh 23 tahun yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga satu cadangan daripada seorang Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa oleh kerana memandangkan keadaan yang membimbangkan di mana berlakunya wang ringgit Malaysia mencurah-curah keluar daripada Malaysia masuk ke Singapura dan Ahli Yang Berhormat tersebut telah mencadangkan supaya diadakan satu Free Trade Zone di Johor Bahru untuk mengatasi masalah ini. Sukalah saya menyatakan bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat itu tidak akan dapat mengatasi masalah wang kita mengalir keluar daripada negara kita, oleh kerana apabila ditubuhkan satu Free Trade Zone juga wang Malaysia tetap keluar mengalir daripada negara kita dan bezanya ialah kalau masa dahulu wang kita mengalir keluar dengan pembelian-pembelian ini kedai-kedai di Singapura, tetapi hari ini dengan adanya Free Trade Zone, wang negara kita akan mengalir keluar dengan pembelian-pembelian di kedai di dalam satu Free Trade Zone di negara kita sendiri.

Sebenarnya haruslah kita memandang masalah ini dengan lebih positif lagi bahawa haruslah kita memandangkan bahawa di dalam negara kita bukan kurang kemudahan-kemudahan yang disediakan dan perbezaan harga yang berlaku ialah di antara barang-barang yang diimport umpamanya seperti radio, televisyen, kain baju dan sebagainya. Dan sebagai rakyat Malaysia, sebuah negara yang sedang membangun sepatutnya kita

lebih membantu dan berusaha untuk membantu negara kita sendiri dengan mementingkan perdagangan dan perniagaan dalam negara kita sendiri. Apabila wang ringgit Malaysia telah bertambah kurang nilainya berbanding dengan dollar Singapura, sepatutnya reaksi kita ialah bahawa perkara ini ialah satu perkara yang bagus dan baik untuk ekonomi negara kita. Oleh kerana pada hari ini dengan keadaan pertukaran wang asing yang berbeza sedikit di antara Ringgit Malaysia dengan dollar Singapura, ini akan memaksakan rakyat Malaysia mengurangkan lancungan-lancungan mereka ke Singapura dan mengurangkan pengaliran keluar wang Malaysia ke Singapura.

Saya sendiri telahpun memberi jawapan dalam Dewan Negara tentang keadaan ini dan saya sendiri memandangkan bahawa cadangan untuk mengadakan sebuah Free Trade Zone tidak akan mengatasi masalah pokok, iaitu masalah pokoknya ialah.....

**Dato Haji Ismail bin Hassan:** Bukan Free Trade Zone, tetapi Free Tax Zone.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Ialah Free Tax Zone itu sama iaitu tidak bayar cukai—kawasan bebas cukai, begitulah maksudnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertulis Free Trade Zone, tetapi selama masa saya bercakap maksud saya iaitu kawasan perniagaan bebas cukai. Masalah pokok saya saya menjelaskan bahawa pengaliran keluar wang kita sama ada kita hendak wang kita mengalir keluar melalui Singapura atau kita inginkan wang kita mengalir keluar melalui satu kawasan bebas cukai pada pendapat Kerajaan dengan adanya kawasan bebas cukai di Johor Bahru ataupun di tempat-tempat lain tidak akan membantu Kerajaan dalam menyelesaikan masalah pokok itu dan untuk membantu Kerajaan menyelesaikan masalah itu ialah dengan menggalakkan pembelian barang-barang buatan Malaysia (Buy Malaysia campaign) dengan diadakan satu pembelian barang-barang buatan Malaysia secara campaign yang teratur supaya rakyat Malaysia akan lebih menghargai barang-barang keluaran negara kita sendiri dari segi mutunya. Oleh kerana kadangkala rakyat Malaysia lebih suka membeli sesuatu barang

itu di negara yang lain, walaupun barang tersebut dibuat di negara kita sendiri. Ini selalunya berlaku di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan yang akan menjadi panduan dan bantuan kepada Kerajaan dalam menjalankan segala kerja dan tanggungjawabnya dan kiranya saya tidak menjawab atas perkara-perkara yang difikirkan perlu, bolehlah dianggap bahawa perkara dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan ditimbang dan dilaksanakan mengikut pertimbangan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) dibacakan kali yang ketiga sekarang.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 24hb April, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.*